

NEGERI YANG SEMBILAN

(1ST PAGE PROOFS)


NORMALIN MUHAMMAD

KOLEKSI


NORMALIN MUHAMMAD

NEGERI YANG SEMBILAN

Daerah kecil pusaka adat
warisan kerajaan berdaulat




NORHALIM HJ. IBRAHIM



Negeri yang Sembilan

Daerah Kecil Pusaka Adat
Warisan Kerajaan Berdaulat



Norhalim Hj. Ibrahim




SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD
1995

Author's Copy

1st Page Proofs

(Chap 1 - 10)


16/6/95


Negeri yang Sembilan
Warisan Satu Peradaban


Sdr Nurhain

Kita mungkin akan menuliskan tajuk
kepada :

[NEGERI YANG SEMBILAN
daerah kecil pesaka adat
warisan kerajaan berdaulat .]



16/6/95



Negeri yang Sembilan

Warisan Satu Peradaban



Norhalim Hj. Ibrahim



SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.
1995

*Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
4 Jalan U1/15, Seksyen U1
Hicom-Glenmarie Industrial Park
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan*

© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1995


ISBN 967 65 3536 2

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian
dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,
ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau
dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik,
mekanik, penggambaran semula, perakaman
dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu
daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*

*Teks diset dalam ITC Century Light 10 poin
Dicetak di Malaysia oleh
Percetakan Polygraphic (M) Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan*

Isi

<i>Prakata</i>	v
<i>Pendahuluan</i>	vii
1 PENGENALAN	1
2 PEMBUKAAN REMBAU	14
3 PENDUDUK AWAL REMBAU	31
4 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU	43
5 PEMBUKAAN PERKAMPUNGAN ORANG MINANGKABAU	62
6 INSTITUSI PENGHULU/UNDANG	73
7 PEMBUKAAN REMBAU DARAT	85
8 KEDATANGAN KUASA BARAT	93
9 REMBAU DI ZAMAN BELANDA DI MELAKA	104
10 KEDATANGAN PUTERA RAJA MINANGKABAU	125
11 BUGIS DI REMBAU	141
12 YANG DIPERTUAN REMBAU	172
13 SUNGAI LINGGI, SIMPANG DAN REMBAU	222
14 CAMPUR TANGAN INGGERIS DI REMBAU	259
15 PEMECATAN DATUK HAJI SAHIL	305
16 ERA BARU	317
<i>Lampiran</i>	328
<i>Bibliografi</i>	347



Isi

- 1 PENGENALAN
- 2 PEMBUKAAN REMBAU
- 3 PENDUDUK AWAL REMBAU
- 4 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU
- 5 PEMBUKAAN PERKAMPUNGAN ORANG MINANGKABAU
- 6 INSTITUSI PENGHULU/UNDANG
- 7 PEMBUKAAN REMBAU DARAT
- 8 KEDATANGAN KUASA BARAT
- 9 REMBAU DI ZAMAN BELANDA DI MELAKA
- 10 KEDATANGAN PUTERA RAJA MINANGKABAU
- 11 BUGIS DI REMBAU
- 12 YANG DIPERTUAN REMBAU
- 13 SUNGAI LINGGI, SIMPANG DAN REMBAU
- 14 CAMPUR TANGAN INGGERIS DI REMBAU
- 15 PEMECATAN DATUK HAJI SAHIL
- 16 ERA BARU



M.B.N.S. 1.69

MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

SRTITIS TINTA

Ketabahan yang sempurna tentang keadaan negeri dan masyarakat di mana kita tinggal sekarang hanya dapat diperolehi melalui pengkajian sejarah. Sejarah memberikan kita cerita, identiti dan tempat di samping menjelaskan keadaan hari ini, dan memberikan kunci untuk masa hadapan. Dengan itu, sejarah mempunyai kaitan dan penerapan praktikal dalam usaha sesuatu masyarakat itu membangun.

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang pesat membangun. Tetapi sehingga ke hari ini sangat terasa ketiadaan penulisan sejarah, khususnya dalam bahasa Melayu tentang negeri-negeri yang mengannggotai Negeri Sembilan itu. Negeri-negeri tersebut sekarang telah bertaraf Luak atau daerah. Berbeza dengan daerah-daerah di negeri Melayu lain, hampir setiap daerah dan Luak di Negeri Sembilan ini pernah suatu ketika sebagai sebuah kerajaan bebas, merdeka dan berdaulat.

Buku Negeri Yang Sembilan ini mungkin merupakan buku sejarah politik Luak dan daerah Negeri Sembilan yang pertama dibukukan. Kerajaan negeri Sembilan Darul Khusus di samping menggalakan, menyokong dan menghargai, juga menggalakkan usaha seperti ini. Moga-moga selepas terbitnya buku ini, banyak lagi buku dan penulisan yang berkaitan dengan sejarah negeri Sembilan secara umum, ataupun sejarah Luak tertentu dapat diterbitkan.

Dengan itu, masyarakat Negeri Sembilan hari ini dan generasi akan datang mendapat ilham dan wawasan untuk meneruskan perjuangan negarawan negeri kita dahulu dalam membangunkan Negeri Sembilan Darul Khusus sejajar dengan kehendak sejarah, masa dan persekitaran.

Atas nama Kerajaan Negeri, rakaman penghargaan kepada penyusun buku ini.

Salam hormat.

{DATO' SERI UTAMA TAN SRI D. MOHD ISA DATO' IKT. ABD SAMAD}

Author's Copy
21/6/95

Prakata

KEFAHAMAN yang sempurna tentang keadaan negeri dan masyarakat di mana kita tinggal sekarang hanya dapat diperolehi melalui pengkajian sejarah. Sejarah memberikan kita deria, identiti dan tempat di samping menjelaskan keadaan hari ini, dan memberikan kunci untuk masa hadapan. Dengan itu, sejarah mempunyai kaitan dan penerapan praktikal dalam usaha sesuatu masyarakat itu membangun.

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang pesat membangun. Tetapi sehingga ke hari ini sangat terasa ketiadaan penulisan sejarah, khususnya dalam bahasa Melayu tentang negeri-negeri yang menganggotai Negeri Sembilan itu. Negeri-negeri tersebut sekarang telah bertaraf Luak atau daerah. Berbeza dengan daerah-daerah di negeri Melayu lain, hampir setiap daerah dan Luak di Negeri Sembilan ini pernah suatu ketika (sebelum abad ke-20) berdiri sebagai sebuah kerajaan bebas, merdeka dan berdaulat.

Buku *Negeri Yang Sembilan* ini mungkin merupakan buku sejarah politik Luak dan daerah Negeri Sembilan yang pertama dibukukan. Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus di samping mengalukan, menyokong dan menghargai, juga menggalakkan usaha seperti ini. Moga-moga selepas terbitnya buku ini, banyak lagi buku dan penulisan yang berkaitan dengan sejarah Negeri Sembilan secara umum, ataupun sejarah Luak tertentu dapat diterbitkan. Dengan itu, masyarakat Negeri Sembilan hari ini dan generasi akan datang mendapat ilham dan wawasan untuk meneruskan perjuangan negarawan negeri kita dahulu dalam membangunkan Negeri Sembilan Darul Khusus sejajar dengan kehendak sejarah, masa dan persekitaran.

Kepada penyusun buku ini, bagi pihak kerajaan negeri, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan.

Salam hormat.

DATO' SERI UTAMA TAN SRI HAJI MOHD. ISA
BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD

✓ 67

Pendahuluan

PENYUSUNAN dan penulisan *Negeri Yang Sembilan* ini adalah suatu percubaan mengumpulkan bahan-bahan sejarah tentang Kerajaan Rembau. Setakat yang diketahui, belum ada lagi penulisan yang khusus tentang perkembangan politik kerajaan ini. Kebanyakan penulisan yang ada tentang Rembau adalah berkenaan dengan adat dan istiadatnya dengan menyentuh mana yang perlu, sejarah perkembangan politiknya. Fakta dan data sejarah negeri kecil ini sering disentuh dan dibincangkan dalam pensejarahan negeri-negeri Melayu lain. Kebanyakan data dan fakta itu tertulis dalam bahasa asing seperti Inggeris, Belanda dan Portugis. Belum ada lagi sebuah penulisan yang khusus dalam bahasa Melayu tentang sejarah 'Rembau dan Negerinya yang Sembilan.'

Maka adalah tujuan utama penyusunan buku ini untuk mengumpulkan data dan fakta yang bertaburan itu ke dalam suatu penulisan yang mengikut kronologi perkembangan sejarah politik Kerajaan Rembau. Bahan dan sumber yang digunakan untuk penulisan terhad kepada yang ada dalam simpanan penyusun. Dengan itu diperakui bahawa penulisan ini, sebagai langkah pertama dalam menyusun semula sejarah pembangunan politik sebuah negeri yang ketandusan dokumentasi sejarah sendiri, banyak kelemahan dan kekurangannya. Adalah diharapkan bahawa kelemahan dan kekurangan penulisan ini akan menjadi petunjuk dan landasan kepada peminat, penuntut dan ahli sejarah berikutnya untuk memperbaikinya dengan membuat penyelidikan yang lebih terperinci agar tersusun satu pensejarahan kerajaan Rembau dan Negerinya yang Sembilan yang lebih mantap.

Kerajaan Rembau telah bangun selepas jatuhnya Kerajaan Melayu Melaka. Ianya bukan sebuah empayar seperti Johor yang sezaman dengannya ataupun Melaka sebelumnya. Rembau adalah sebuah kerajaan kecil tetapi berjiwa besar. Kerajaan ini untuk lebih kurang 340 tahun, telah dapat mempertahankan diri dan kedaulatannya daripada dijajah. Bagi sebuah negara kecil, ini merupakan suatu kejayaan yang cemerlang. Kejayaannya mempertahankan diri mungkin diinspirasikan oleh sistem kemasyarakatan—*Adat Perpatih*—yang mereka amalkan. Mulai dari awal kedatangan Barat, Portugis, rakyat Rembau telah sanggup bertumpah

PENDAHULUAN

darah dan berkorban nyawa untuk memastikan kebebasan diri dan negerinya. Dalam persejaraan negara kecil ini tidak ada satu individu yang ditonjolkan, seperti halnya Datuk Bahaman di Pahang atau Datuk Maharaja Lela di Perak kerana dalam masyarakat adat ini, setiap anggota masyarakat itu adalah sama rata. Kepentingan yang ditonjolkan bukannya kepentingan individu tetapi kepentingan kelompok yang bersatu padu. Demi kepentingan bersama ini dan demi mempertahankan pusat kedaulatannya, kerajaan Rembau sanggup mengorbankan wilayahnya asal-kan keseluruhan kerajaannya tidak dijajah. Namun akhirnya kerajaan Rembau terpaksa juga mengikut alur yang telah diteroka oleh kerajaan Melayu lain yang lebih besar daripadanya, iaitu tunduk di bawah penjajahan Inggeris.

Rembau dan Negerinya yang Sembilan dapat bertahan begitu lama disebabkan antara lain, kukuhnya kesatuan rakyatnya mengamalkan sistem adatnya. Apabila keharmonian adat itu tercabar oleh rasa tamak haloba di kalangan penganut dan khususnya pemimpinnya akibat ketidakutuhan proses kesinambungan sistem adat (yang diturunkan secara lisan dari generasi ke generasi), serta dilemahkan pula dengan kemasukan sistem ekonomi kewangan kapitalis dan individualistis (yang berlawanan dengan falsafah sistem adat) bawaan Inggeris, keutuhan kesatuan masyarakatnya mulai goyang. Ini seterusnya telah menggagalkan dasar sistem kenegaraan kerajaan Rembau dan menghilangkan keunikannya. Kerajaan Rembau menjadi serupa dengan keadaan negeri-negeri Melayu lain, iaitu dilanda anarki. Justeru itu, apabila negeri-negeri Melayu lain ditelan Inggeris, kerajaan Rembau yang merupakan salah sebuah negeri terakhir di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu yang dinaunginya, juga turut terjajah.

Inggeris mengambil masa tidak kurang daripada 60 tahun untuk menundukkan kerajaan Rembau menerusi penggunaan segala bentuk tipu muslihat termasuk kekuatan senjata. Akhirnya dengan bantuan pembesar negeri-negeri Melayu lain yang telah dinaunginya serta pembesar-pembesar kerajaan Rembau yang telah dipengaruhi, Weld, Gabenor Inggeris pada ketika itu telah mengheret kerajaan Rembau, khususnya Penghulu Datuk Lela Maharaja Haji Sahil ke 'mahkamah'. Dengan menggunakan aspek tertentu undang-undang inggeris dan mengintrepetasi undang-undang Adat Perpatih sesuai dengan keperluan pihak Inggeris, Weld yang menjadi 'hakim' dalam mahkamah tersebut telah menggunakan sepenuh kuasanya untuk memecat dan melantik Penghulu Rembau.

Mulai tarikh itu Rembau menghadapi zaman keruntuhannya. Daripada sebuah negeri yang merdeka, bebas dan berdaulat, dalam tempoh tidak lebih dari empat tahun, Rembau telah menjadi sebuah daerah kecil yang bernaung di bawah daerah (Tampin) yang 300 tahun sebelum itu adalah sebahagian daripada kerajaannya. Hari ini Rembau merupakan sebuah daerah kecil dalam kerajaan Negeri Sembilan moden.

PENDAHULUAN

Di sini saya ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan Negeri Sembilan, khususnya YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abd. Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus yang telah memberikan galakan, dorongan dan inspirasi serta perhatian dalam usaha saya menyusun dan menerbitkan buku ini. Tanpa sokongan YAB Tan Sri buku ini tidak mungkin diterbitkan dalam bentuknya sekarang. Kepada Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, Negeri Sembilan, khususnya YB Dato' Seri Utama Tan Sri A. Samad Idris selaku pengerusi dan Tuan Haji Muhammad Tainu, setiausaha, juga diucapkan berbilang terima kasih kerana sumbangan kewangan untuk pembiayaan penyelidikan bagi menyusun buku ini. Kepada Fuad Hashim, jurugambar yang sanggup mengharung sungai dan meredah belukar membantu saya merakamkan tempat-tempat bersejarah di Rembau juga saya ingin merakamkan rasa terhutang budi dan terima kasih. Saya juga terhutang budi kepada ahli jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia, kawasan Rembau, terutamanya saudara Nordin Awal dan saudara Mohamad Haji Arnoi kerana turut bersusah payah menyediakan dan mendapatkan bahan-bahan untuk buku ini sehingga ia dapat diterbitkan seperti keadaannya sekarang. Saya juga merakamkan terima kasih saya kepada individu-individu lain yang tidak dapat disebutkan nama mereka satu persatu di sini kerana terlalu ramai bilangannya, yang telah membantu saya, sama ada secara langsung ataupun tidak dari mula sehingga terbitnya buku ini.

Akhir sekali patut juga saya nyatakan di sini bahawa kebanyakan gambar dalam buku ini mempunyai rakaman sejarahnya sendiri tetapi ~~ia tidak~~ ^{ada daripadanya} berkaitan secara ~~langsung~~ ^{tidak} dengan teks yang berakhir apabila masuknya penjajah Inggeris di bumi beradat itu. Tujuan ianya dimasukkan adalah untuk merakamkan dan menjadikannya sebagai dokumen sebelum tempat-tempat tersebut hilang dan musnah dimakan oleh proses perubahan dan pembangunan. Tempat-tempat dan kesan-kesan sejarah kerajaan Rembau yang nyata agak sukar ditemui sekarang. Bekas dan kesan-kesan yang masih ada, jika tidak dilakukan sesuatu yang konkrit oleh pihak yang berkuasa, juga akan turut hilang seperti hilangnya kerajaan dan tamadun adat Melayu Rembau.

Kedatangan Putera Raja Minangkabau

MENJELANG bahagian kedua abad ke-17, keadaan ekonomi dan politik Rembau menjadi semakin kuat dan kukuh, dan ini menyebabkan Rembau, mengikut pihak Belanda, menjadi megah dan angkuh (Winstedt, 1934: 53). Kemajuan ini telah mendorong Rembau untuk mencuba memutuskan ikatan dengan Johor. Di samping faktor ini, dan mungkin faktor utama yang mendorong Rembau bertindak sedemikian adalah: Johor, sebagai penaung tidak dapat, malahan tidak mengendahkan pengaduan dan masajah Rembau berkaitan dengan Melaka seperti yang berlaku di sekitar akhir tahun 1670 dan awal 1671.

Sebaliknya pula, Johor tidak dapat atau mungkin juga tidak berani mencampuri hal-ehwal Rembau-Melaka di tahun-tahun berkenaan kerana keadaan politiknya sendiri. Johor pada ketika itu berada dalam keadaan lemah akibat peperangan yang sedang dihadapinya dengan Kerajaan Jambi. Peperangan ini telah bermula di sekitar tahun 1667 dengan setiap satunya menunjukkan kekuatan laut masing-masing (Andaya, 1987:120). Perang sengit antara kedua-dua pihak tidak banyak berlaku dan jarak masa antara peperangan itu adalah lama, tetapi peperangan sebenar untuk menguasai jalan perdagangan merupakan peristiwa yang berlaku setiap hari (Andaya, 1987: 121).

Johor adalah sebuah kerajaan samudera. Keunggulannya sebagai kerajaan bergantung kepada perdagangan yang dapat ditariknya ke pantai. Nama baik Johor sebagai pusat pemiagaan akan tercemar sekiranya negara-negara yang berdagang dengannya tidak berasa selamat ketika berada di kawasan Johor. Bentuk peperangan yang dihadapi dan dilakukan oleh Johor di sekitar tahun-tahun berkenaan telah mengganggu perjalanan perdagangan, iaitu faktor penting yang menjadi dasar kekuasaannya. Justeru itu nadi kehidupan Kerajaan Johor dengan berlarutnya perang dengan Jambi ini telah terputus. Akibatnya Kerajaan Johor menjadi lemah. Akhirnya, pada bulan April 1673 Kerajaan Johor telah musnah apabila ia diserang oleh tentera Jambi dan Palembang di bawah pimpinan Pengeran Dipati Anun¹ secara mengejut (Andaya, 1987: 131). Sultan Johor, Abdul Jalil Shah II (1623-77) telah lari ke Muar dan tinggal di situ sehingga sekitar awal Ogos, kemudian pindah ke Pahang (Andaya, 1987: 133).

Walaupun ibu negeri Johor musnah, tetapi Sultan Johor, iaitu simbol negeri itu yang sangat diperlukan untuk perpaduan negara, telah berjaya melarikan diri. Kehadiran simbol ini, yang dikukuhkan lagi oleh pasukan bersenjata yang menegakkan kerajaan itu masih ada di bawah pimpinan Laksamana Tun Abdul Jalil, memungkinkan pemulihan semula Kerajaan Johor. Tetapi secara keseluruhannya, untuk beberapa tahun selepas itu, Johor sebagai sebuah kuasa masih mentah².

Memandangkan keadaan Johor yang sedemikian ini, Kerajaan Rembau dan rantau Minangkabau yang lain di Semenanjung Tanah Melayu seperti Sungai Ujong dan Kelang telah mengambil kesempatan membebaskan diri daripada bertuanan ke Johor ini bercambah di sekitar akhir tahun 1876.

Perancangan menarik dari

Datuk Sagah telah menemui Penghulu Sungai Ujong, Kelang dan Naning memuafatkan keadaan hubungan mereka dengan Johor dan Belanda di Melaka yang sering bersikap agresif. Datuk Sagah telah mencadangkan untuk menjemput seorang putera raja daripada Minangkabau dan mendaulatkannya di wilayah rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu.

dari naungan Johor.

Di dalam pertemuan awal cadangan Datuk Sagah ini telah dipersetujui oleh Penghulu Sungai Ujong dan Kelang. Penghulu Naning telah meminta tangguh. Akhirnya, setelah dipujuk oleh penghulu yang lain Naning juga turut menerima cadangan itu. Dengan demikian bulatlah muafakat para penghulu rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu menjemput seorang putera raja dari Minangkabau untuk dijadikan raja. Perlakuan mendaulatkan raja di Koloni Minangkabau ini bersesuaian dengan kehendak sistem pemerintahan adat Alam Minangkabau yang dimemangkan sebagai:

Luhak³ bapanghulu,
rantau barejo.

Setelah bulat muafakat, setiap orang penghulu telah menghantar wakil untuk ke Minangkabau menemui Yang Dipertuan Alam Minangkabau (Raja Alam). Penghulu Rembau telah menghantar empat orang wakil iaitu Datuk Gempa Maharaja, Datuk Merbangsa, Datuk Bangsa Balang dan Datuk Samsura Pahlawan. Mengikut cerita tradisi Rembau, rombongan perwakilan tersebut telah ke sana melalui Siak. Dari Siak mereka telah mudik ke Pangkalan dan langsung menemui Datuk Mangkudum di Sumanik, meminta Datuk itu membawa mereka menghadap Yang Dipertuan di Pagarruyung. Yang Dipertuan atau disebut juga Raja Alam, setelah merundingkan permintaan itu dengan 'Raja Duo Selo' serta Besar Empat Balai, telah memperkenankan permohonan tersebut⁵. Dengan itu, pada akhir bulan Februari 1677, perwakilan berkenaan telah memudiki Sungai Penajih menuju ke Rembau. Mereka telah membawa bersama seorang putera raja bernama Raja Ibrahim.

Tindakan pertama yang dilakukan oleh Raja Ibrahim setelah berada di Rembau adalah mengutuskan surat kepada pihak Belanda di Melaka. Tujuh orang pembesar dari Rembau dan Naning telah ditugaskan untuk membawa surat tersebut. Antara lain isi surat tersebut adalah seperti berikut:

1. Memperkenalkan diri dan keturunannya⁶.
2. Memberitahu Belanda beliau telah didaulatkan di Naning dan Rembau.
3. Memaklumkan bahawa beliau akan bergerak mara ke Melaka.
4. Menuntut supaya kapal ronda Belanda di Selat Melaka jangan lagi mengganggu rakyat Rembau dan Naning (Bort, 1927: 68; Winstedt, 1934: 54).

Surat ini telah disampaikan kepada Majlis Melaka pada 11 Mac 1677.

Kehadiran Raja Ibrahim di wilayah pedalaman Melaka ini diketahui oleh Belanda hanya selepas menerima surat tersebut. Pihak Belanda telah memberi berbagai-bagai pendapat dan andaian tentangnya. *Dashregister* telah mencatatkan bahawa Raja Ibrahim ini berasal dari Minangkabau. Dia adalah seorang yang warak dan mempunyai kuasa ghaib (Winstedt, 1934: 54). Di samping itu, beliau mengaku bahawa keturunannya adalah pemilik negeri Melaka (Hoyne, 1914: 74).

Bort, Gabenor Melaka pula tidak percaya pengakuan Raja Ibrahim bahawa beliau adalah sepupu Raja Johor. Baginya, Raja Ibrahim adalah ulamak Islam dalam pelarian setelah diusir oleh para pengikutnya sendiri di Siak dan Aceh kerana kekacauan yang dilakukannya sendiri. Beliau dengan beberapa orang pengikut setianya telah menyeludup masuk memudiki Sungai Penajih. Orang Rembau, Naning dan Sungai Ujong⁷ telah mengakuinya sebagai seorang putera Minangkabau dan menabalkannya sebagai raja (Bort, 1927: 68).

Majlis Melaka juga telah memberi pandangan⁸ tentang surat yang mereka terima itu. Bagi mereka surat itu telah ditulis atas kehendak seorang gila yang berani lagi biadap kerana ia tidak memberi sebarang maklumat tentang perlantikannya. Majlis menganggap bahawa perlantikan Raja Ibrahim sebagai raja adalah tidak sah kerana surat itu tidak mempunyai cap mohor yang sesuai dan di samping itu, Raja Ibrahim tidak mempunyai surat watak perlantikannya, sama ada dari Johor atau Pagaruyung ataupun kerajaan Melayu lain. Pada hakikatnya surat Raja Ibrahim itu mempunyai cap mohor. Ini diakui sendiri oleh pihak Belanda apabila mereka menyatakan cap mohor itu 'selekeh dan kotor'. Keselekeh dan kekotoran cap mohor itu telah dianggap oleh pihak Belanda sebagai suatu perbuatan kurang ajar (Cave, 1989: 50).

Kehadiran Raja Ibrahim di Rembau-Naning ini tidak sahaja menggelisahkan pihak Belanda tetapi juga Kerajaan Johor, walaupun tidak se-gelisah Belanda. Kepada Kerajaan Johor, Raja Ibrahim itu adalah satu

cabaran langsung ke atas kedaulatannya, di samping mengancam keutuhan pengaruhnya ke atas wilayah naungannya. Dengan kehadiran Raja Ibrahim, Rembau dan Nanning serta Sungai Ujong telah memindahkan taat setia mereka dari Johor kepada putera Minangkabau itu (Andaya, 1987: 147). Kegelisahan Johor itu sememang dapat difahamkan kerana pada tempoh ini, mungkin disebabkan kelemahan Johor sendiri, adalah suatu zaman pemberontakan negeri-negeri naungan Johor. Kebangkitan orang Rembau dan Nanning di bawah pimpinan Raja Ibrahim ini merupakan kebangkitan pertama daripada siri pemberontakan yang akan mengancam kewibawaan Kerajaan Johor.

Surat Raja Ibrahim kepada pihak Belanda di Melaka telah dipulangkan semula tanpa sebarang jawapan. Akibatnya, sebaik sahaja selepas itu, Melaka telah menerima laporan bahawa Raja Ibrahim dengan diiringi oleh seramai 3,770 orang¹⁰ pengikut telah bersedia untuk menyerang Melaka. Berita ini, mengikut Andaya (1987: 146) telah diberitahu oleh Sultan Abdul Jalil II kepada pihak Belanda. Mungkin oleh sebab berita itu datang dari Johor, reaksi pertama orang Belanda terhadapnya ialah mengesyaki Johor berhasrat untuk bergabung dengan angkatan Raja Ibrahim. Kecurigaan Melaka terhadap Johor ini diperkuat lagi apabila datang pula khabar angin yang menyatakan bahawa Laksamana Johor akan datang ke Melaka mengepalai satu angkatan laut yang mengandungi 30 buah kapal untuk menyertai pasukan Raja Ibrahim mengepung Melaka. Akan tetapi orang Johor yang memerhatikan perkembangan itu, seperti yang dinyatakan di atas, samalah gelisahanya, walaupun tidak lebih gelisah daripada pihak Belanda (Andaya, 1987: 147).

Berita kebangkitan orang Rembau dan Nanning ini telah sampai dan menggemparkan negara-negara lain di sekitar Selat Melaka, terutama sekali apabila ada khabar angin yang menyatakan bahawa Melaka telah ditawan oleh Raja Ibrahim ~~dan~~ orang Rembau ^{dan} juga Nanning¹¹. Untuk memastikan keadaan yang sebenar, dan mengelakkan prasangka serta menghapuskan kecurigaan pihak Belanda terhadap Johor akibat khabar angin itu, Johor telah menghantar seorang utusan, Ossenina Maharaja untuk menyatakan pendirian Johor di samping menjernihkan keadaan.

Berita tentang rancangan Raja Ibrahim ini telah mencemaskan orang Melaka. Pihak Belanda telah membuat persediaan pertahanan di Upeh dan Tranquerah. Pada waktu yang sama, Bort telah menghantar surat kepada Raja Merah, Penghulu Nanning. Dalam surat ini dijelaskan mengapa beliau tidak menjawab surat Raja Ibrahim itu. Di samping itu, Bort telah memerintahkan supaya para pembesar Nanning menghadirkan diri di Melaka. Surat ini telah dikirim melalui seorang Melayu Melaka bersama dengan tiga orang rakyat Nanning, lengkap dengan tepak sirih. Di pertengahan jalan, rombongan ini telah diserang. Orang Nanning tersebut telah melarikan diri dan orang Melayu Melaka itu berpatah balik ke Melaka.

Belanda telah meminta jasa baik Ossenina Maharaja, utusan Johor yang masih berada di Melaka untuk membawa surat tersebut ke Naning. Dalam perjalanan, beliau dan rombongan juga telah dihadap oleh satu detasmen orang Rembau dan Naning, tetapi setelah mengetahui siapa utusan itu, mereka telah dibenarkan meneruskan perjalanan sebagai tanda hormat kepada Raja Johor. Ossenina Maharaja telah menemui Raja Merah yang tidak mahu menerima surat itu tanpa kehadiran Raja Ibrahim. Setelah membaca surat tersebut, Raja Ibrahim telah menyatakan kepada utusan itu bahawa dia tetap akan menyerang Melaka dan akan menawan kotanya dalam tempoh beberapa hari lagi. Utusan itu pula telah menasihatkan Raja Ibrahim supaya membatalkan sahaja rancangannya itu kerana dia tidak akan berjaya walaupun selepas mengepungnya untuk beberapa tahun.

Utusan itu telah balik ke Melaka selepas dua hari berada di Naning. Raja Merah tidak memberi sebarang jawapan balas kepada surat Bort itu (Winstedt, 1934: 54). Utusan itu telah memberitahu Belanda bahawa Raja Ibrahim akan tetap menyerang Melaka. Mendengar berita itu, Belanda telah mengisytiharkan perang ke atas Rembau dan Naning. Rakyat di subbandar telah dibawa masuk ke dalam kota. Di jalan-jalan utama di bahagian utara subbandar telah didirikan penghalang (Cardon, 1948: 112) dan suatu baluarti telah ditegakkan dari pantai sehingga ke kebun, yang terletak di kawasan Gajah Berang (Bort, 1927: 51) kepunyaan Rufo Gerritz (Bort, 1927: 70; Winstedt, 1934: 54).

Sekembalinya utusan itu ke Melaka, Raja Ibrahim telah menggerakkan pasukannya untuk mara menyerang Melaka. Mereka telah berjaya menawan beberapa kawasan di pinggir bandar Melaka. Kawasan terakhir ditawan sebelum mereka bertembung dengan pasukan pertahanan pihak Belanda ialah Batang Tiga. Orang Melayu di situ, yang berjumlah 70 buah keluarga dan kesemuanya adalah pesawah padi telah diusir tanpa sebarang kerosakan jiwa dan harta. Pihak Belanda agak masih bertuah kerana pada malam tentera Rembau-Naning melancarkan serangan pertama, mereka baharu sahaja selesai menyudahkan benteng pertahanan. Justeru itu, serangan tentera Raja Ibrahim berjaya dipatahkan. Kejayaan pertama ini telah memberi semangat kepada pihak Belanda dan dengan itu berjaya mempertahankan kedudukan mereka dalam beberapa serangan berikutnya. Untuk selama lebih kurang dua bulan Raja Ibrahim membuat serangan ke atas pertahanan Melaka tetapi tidak sekalipun berjaya memecahkannya. Menyedari akan keteguhan pertahanan itu, Raja Ibrahim tiada pilihan melainkan, pada sekitar bulan Jun 1677, berundur balik ke Rembau/Naning.

Walaupun musuh telah berundur, pihak Belanda tetap berwaspada. Mereka tetap menjangkakan bahawa Raja Ibrahim akan menyerang semula. Mereka telah mengadakan satu pasukan berkuda yang dianggotai oleh empat belas orang penunggang di bawah pimpinan Jan Gordon. Tu-

gas pasukan ini adalah mengawal kawasan bandar dan pinggir Melaka, di ladang dan di hutan; pagi dan petang. Kesemua orang Rembau dan Naning yang ditemui akan ditangkap. Di samping itu, Belanda juga telah mengirimi sebuah kapal, *t Wape van Malacca*.¹² dan sebuah sekoci *Onrust*.¹³ untuk menyekat Kuala Sungai Penajih.

Pihak Rembau dan Naning pula, walaupun telah berundur dan tidak lagi melancarkan serangan berhadapan seperti yang dilakukan di sekitar bulan April sehingga Mei, telah menjalankan serangan ala gerila. Mereka telah menyerang orang dan kawasan Melaka yang terdedah dan tidak terkawal—perbuatan yang dianggap oleh pihak Belanda sebagai merompak dan menculik. Pihak Belanda pula tidak sanggup melancarkan sebarang serang balas ataupun menyekat serangan gerila musuhnya secara berkesan kerana mereka tidak mempunyai tenaga tentera yang secukupnya. Kekuatan Melaka pada ketika itu adalah 253 orang tentera Belanda dan lebih sedikit daripada 600 orang tentera tempatan (Winstedt, 1934: 54).

Untuk menjalankan tindakan yang lebih berkesan, pada pertengahan bulan Jun 1677, Bort telah mengutus surat ke Betawi merayu bantuan. Beliau meminta tambahan tentera seramai 150 orang untuk menjaga keselamatan Melaka dan 600 orang lagi untuk ekspedisi punitif bagi 'menghapuskan orang-orang Minangkabau dan membersihkan kawasan luar kota untuk kegunaan orang China yang rajin bekerja'. Selain daripada itu, orang Melaka sangat memerlukan daun sirih Naning yang bekalannya telah tersekat sejak perang meletus. Betawi telah mengirimkan bantuan tentera Belanda seramai 150 orang tetapi tidak dapat membekalkan tenaga tentera untuk keperluan ekspedisi punitif seperti yang dipohon. Bantuan ini telah tiba di Melaka dengan kapal laju *Soesdijk* pada 21 Julai. Dengan demikian, walaupun ada tambahan tentera dari Betawi, Melaka masih belum mampu untuk melancarkan serang balas atau menyekat gerakan gerila yang dilancarkan oleh Rembau dan Naning.

Untuk beberapa bulan selepas berundur, orang Rembau dan Naning telah membuat beberapa percubaan untuk menyeludup masuk ke bahagian pinggir bandar Melaka. Percubaan-percubaan itu telah menemui kegagalan walaupun mereka cuba mengelabukan mata dan menarik perhatian para pengawal Belanda dengan gerakan ala gerila di satu tempat sedangkan di tempat lain sekumpulan lagi cuba menyeludup masuk. Kegagalan ini menyedarkan Raja Ibrahim bahawa angkatan perangnya bersendirian sahaja tidak mencukupi untuk mengalahkan Melaka. Beliau telah mencari suatu strategi baru.

Untuk mengalahkan Melaka, Raja Ibrahim memerlukan tenaga yang lebih ramai yang tidak mungkin diperolehi dari Rembau dan Naning. Beliau perlu mendapatkan bantuan tenaga luar. Pada perkiraannya, salah satu cara untuk mendapatkannya adalah dengan mewujudkan persatuan di kalangan negeri-negeri berdasarkan ikatan warisan budaya yang

sama-budaya Minangkabau. Rancangan ini telah dimulakan dengan menghantar beberapa utusan ke Kuantan di sekitar akhir tahun 1677 dan awal 1678. Melalui utusan tersebut Raja Ibrahim telah mengadakan runtingan rahsia tentang penubuhan pakatan itu dan melancarkan serangan bersama ke atas pihak Belanda dengan Sultan Kuantan. Malangnya Sultan Kuantan tidak dapat bersama dengan rancangan itu kerana ketika itu, beliau lebih berminat dan sedang berperang dengan Indragiri (Andaya, 1987: 151).

Kegagalannya untuk mendapat bantuan daripada Sultan Kuantan ini tidak mematahkan semangat dan hasrat Raja Ibrahim. Beliau telah mencuba satu pendekatan baru dalam menubuhkan ikatan itu. Kali ini, beliau cuba menarik sokongan daripada orang yang bukan berketurunan Minangkabau, dan telah menggunakan persaudaraan seagama, agama Islam—untuk mencapai tujuan tersebut. Sebagai permulaan, beliau telah mengutus surat kepada seorang haji dan semua orang Bugis dan Makasar di Kelang menyeru mereka dan juga orang Islam lain supaya mengangkat senjata menentang kafir Belanda dan menjanjikan semua yang mati dalam perjuangan ini akan masuk ke syurga (Andaya, 1987: 152).

Perancangan kali kedua ini juga telah gagal. Belanda, secara tidak sengaja, telah mengetahui tentangnya semasa melancarkan serang balas ke atas Rembau di sekitar awal tahun 1678. Mereka telah menemui surat tersebut di salah sebuah pondok di situ. Maklumat tentang akan berlakunya perang jihad telah membimbangkan pihak Belanda di Melaka. Mereka telah menulis kepada Syahbandar di Kelang dan mendesaknya supaya jangan menghantar orang Bugis dan Makasar membantu Raja Ibrahim. Satu utusan juga telah dihantar ke Johor (Riau) memberitahu Sultan Ibrahim Shah (1677-1685) tentang rancangan Raja Ibrahim berserta dengan Rembau itu¹⁴.

Pada hakikatnya, perkembangan di Rembau ini membuatkan Sultan Johor berasa kurang senang kerana jika terwujud satu gabungan kekuasaan Minangkabau yang kuat, ia akan mengancam kewibawaan Johor di alam Melayu. Baginda telah mengirim sepucuk surat kepada Datuk Sagah memerintahkannya supaya mengakhiri permusuhannya dan berusaha membaharui persahabatan dengan pihak Belanda, atau kalau tidak berbuat demikian, baginda akan murka dan akan mengenakan hukuman yang berat. Sultan Ibrahim Shah juga mengancam akan menghantar anak lelaki Laksamana Johor bersama dengan satu angkatan perang yang besar untuk menyerang Rembau dan memusnahkan segala-galanya jika mereka tidak mematuhi perintah baginda itu (Andaya, 1987: 152).

Amaran dan ancaman Raja Johor itu tidak diambil perhatian oleh Datuk Sagah, Penghulu Rembau. Beliau dan Raja Ibrahim sebaliknya telah merancang untuk menyerang Melaka sekali lagi selepas musim menuai berikutnya. Sementara itu orang Rembau telah terus merosakkan perkam-

pungan dan ladang di pinggir Melaka. Mereka telah membunuh seorang Belanda dalam operasi tersebut. Berita tentang rancangan Datuk Sagah dan Raja Ibrahim ini telah mencemaskan Belanda. Dengan itu, pada 27 Jun 1678 Melaka telah mengutus surat ke Betawi meminta bantuan tentera. Menyedari kegentingan keadaan, Betawi telah mengirimkan bantuan (Winstedt, 1934: 54). Walau bagaimanapun rancangan Raja Ibrahim itu tidak menjadi kenyataan.

Apa yang berlaku di Rembau antara bulan Julai dan kira-kira bulan Oktober tahun 1678 sehingga kini masih menjadi suatu misteri. Dalam tempoh empat bulan ini berkemungkinan besar perhubungan antara Raja Ibrahim dengan Penghulu Naning atau dengan Penghulu Rembau atau dengan kedua-duanya sekali telah retak. Mengikut laporan Belanda, yang mengetahuinya daripada orang Melayu dari Kelang dan Muar pada Oktober 1678¹⁵ Raja Ibrahim telah dibunuh oleh orang Rembau. Kemudian, dalam tahun 1680, seorang Bugis yang dipanggil 'Baggia' mendakwa bahawa dia telah membunuh Raja Ibrahim di Rembau (Andaya, 1987: 152-3). Baggia adalah seorang hamba kepunyaan Raja Merah, Penghulu Naning.

Persoalan mengapa Raja Ibrahim dibunuh secara khianat sehingga hari ini masih tidak diketahui dengan jelas. Mengikut laporan Gabenor Pits Melaka seperti yang dikutip oleh Andaya (1987: 152), beliau dibunuh oleh orang Rembau yang enggan meneruskan peperangan menentang pihak Belanda. Mengapa orang Rembau bertindak sedemikian juga sukar untuk difahami kerana selama Raja Ibrahim berada di kawasan Semenanjung beliau telah diberi tempat di Rembau. Malahan kehadiran beliau di rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu adalah di atas inisiatif Datuk Sedia Raja Sagah, Penghulu Rembau, tetapi dengan persetujuan melalui kebulatan para penghulu yang lain. Apakah Datuk Sagah atau orang Rembau merasa terlalu 'takut' akan ancaman dan ugutan Sultan Ibrahim Johor? Walhal ancaman dan ugutan seperti ini jika mengikut fakta sejarah bukanlah kali pertama yang dibuat oleh Johor ke atas Rembau.

Pengakuan Baggia sebagai pembunuh Raja Ibrahim juga menimbulkan persoalan. Mengapa Baggia mengambil masa sehingga dua tahun lebih kurang untuk mengakui perbuatan khianatnya itu? Jika betul Baggia yang membunuhnya, besar kemungkinan dia melakukannya atas perintah orang tertentu. Dalam perkara ini, orang yang paling mungkin mengeluarkan 'perintah' itu adalah tuannya sendiri, Raja Merah Penghulu Naning. Melihat dari segi perhubungan Naning dan/atau Rembau dengan pihak Belanda, Naning adalah 'kerajaan' yang sering menerima bahana di atas 'pencerobohan' dan 'pemberontakan' serta 'penculikan' Rembau kerana pihak Belanda menganggap bahawa Naning itu adalah wilayah Melaka yang dipusakai dari pihak Portugis. Di samping itu, fakta sejarah yang telah direkodkan membayangkan bahawa perhubungan antara Naning-

Johor berbanding dengan Rembau-Johor, perhubungan antara Nanning dengan Johor adalah lebih bersifat 'ketuanan' daripada perhubungan antara Rembau dengan Johor. Rembau sering tidak akur kepada kehendak Johor dan tidak pula takut atas ancaman Johor. Dengan mengambil sifat perhubungan Nanning-Johor ini sebagai dasar, besar kemungkinan Raja Merah telah mensabdakan Baggia untuk pembunuhan itu atas perancangan Johor seperti yang disyaki oleh pihak Belanda (Winstedt, 1934: 55). Daripada fakta sejarah, Nanning adalah lemah dalam menghadapi ancaman dan ugutan kuasa luar seperti Johor dan pihak Belanda. Kelemahan ini jelas sekali berlaku di sekitar tahun 1679 apabila pihak Nanning telah pergi ke Melaka memohon perdamaian daripada pihak Belanda. Mereka memberitahu Melaka bahawa keterlibatan mereka dalam peperangan itu adalah kerana terpedaya dan ditipu oleh Rembau; dan setelah menyedari kesilapannya mereka telah menyuruh Baggia membunuh Raja Ibrahim (Winstedt, 1934: 54-55).

Kematian Raja Ibrahim secara khianat bermakna gugurlah seorang pahlawan 'Melayu' yang cuba membebaskan bangsanya daripada dibelenggu kebebasan politiknya dan dihisap kering kemakmuran ekonominya oleh kaum penjajah. Orang Rembau yang tidak rela kebebasan dan kemerdekaannya terancam telah menentang segala tindakan penjajah sejak zaman Portugis walaupun telah mengalami kekalahan akibat ketidakseimbangan alat senjata, telah kehilangan seorang nasionalis ulung yang telah berjaya menggemparkan dan mencernaskan kuasa besar tempatan dan barat. Mungkin oleh sebab tergamam atas pembunuhan khianat Raja Ibrahim dan menyedari ketiadaan lagi seorang pemimpin yang berkebolehan dan berwawasan, Rembau telah memberhentikan segala bentuk tindakan agresif terhadap Melaka (dan Johor) setidak-tidaknya untuk sementara.

Datuk Sagah tidak sanggup meneruskan perjuangan Raja Ibrahim. Beliau menyedari bahawa Rembau, sebagai sebuah negeri kecil tidak mungkin mencapai kejayaan. Jikalau diteruskan juga perjuangan Raja Ibrahim, Rembau, selain daripada menghadapi pihak Belanda akan juga berhadapan dengan Johor yang telah pulih semula¹⁶ dan telah pula memperbaharui perjanjian persetiaan dan persahabatan (1678) dengan pihak Belanda. Berhadapan dengan situasi ini, Rembau tidak ada pilihan melainkan berdamai dengan pihak Belanda. Setelah Rembau menunjukkan ingin berbaik semula dengan pihak Belanda maka pada bulan September 1679, apabila perwakilan Nanning datang menemui pihak Belanda menyatakan keinginan mereka untuk bersekutu semula dengan Rembau, Melaka telah merestui permohonan itu (Begbie, 1834: 59).

Pada bulan Januari 1680 Datuk Sagah telah menghantar suatu perwakilan ke Melaka untuk merundingkan perjanjian perdamaian. Perwakilan tersebut terdiri daripada Datuk Syahbandar Rembau, Datuk Bangsa

Balang Basir, Datuk Samsura Pahlawan Gagal, Menteri Hulubalang mewakili Datuk Gempa Maharaja, Paduka Besar mewakili Datuk Merbangsa, Encik Lela wakil Johor dan juga bagi pihak rakyat Rembau yang bukan keturunan Minangkabau dan Mara Pahlawan mewakili rakyat bangsa asing yang tinggal di Rembau (Winstedt, 1934: 55; Cave, 1989: 52). Melihat daripada senarai ini perwakilan Rembau adalah seimbang, dalam erti kata setiap lapisan dan jenis masyarakat diwakili. Penghulu Rembau diwakili oleh Orang Besarnya—Datuk Syahbandar, rakyat keturunan Minangkabau yang menjadi teras penduduk Rembau diwakili oleh empat orang Datuk Lembaga yakni Lembaga Tiang Balai atau wakilnya dan wakil-wakil untuk rakyat bukan keturunan Minangkabau dan rakyat asing di Rembau. Selepas berbincang, akhirnya suatu persetujuan telah tercapai dan suatu draf perjanjian telah dirangka pada 25 Januari 1680. Draft ini, setelah diratifikasi dan dipersetujui oleh Betawi telah ditandatangani oleh semua pihak yang berkenaan pada 13 Februari 1680 di Melaka.

Perwakilan Rembau tidak sanggup menunaikan satu daripada ceraijan persetiaan itu, iaitu Rembau telah dikenakan denda yang berupa 60 orang hamba abdi, 100 ekor kerbau dan 25 ekor lembu. Denda ini adalah sebagai bayaran ganti rugi terhadap tindakan ke atas beberapa kawasan di pinggir Melaka semasa perang Raja Ibrahim dahulu. Mereka telah meminta penangguhan dan sebagai jaminan beberapa orang rakyat Rembau telah ditinggalkan di Melaka sebagai tebusan. Tujuh bulan kemudian, Datuk Sagah telah mengutus ke Melaka memohon maaf kerana pihaknya tidak berkemampuan membayar denda tersebut atas sebab kemiskinan. Beliau meminta simpati pihak Belanda dan selanjutnya merayu orang tebusan itu dibebaskan. Setelah berunding dan setelah beberapa kali membuat desakan yang tidak berhasil, pihak Belanda demi menjaga keamanan dan kemajuan perdagangannya di Melaka, telah terpaksa bersetuju mengugurkan tuntutan itu dan membebaskan orang tebusan tersebut. Sejak itu perhubungan antara Rembau dan pihak Belanda pulih semula. Namun pihak Belanda sentiasa mencurigai akan kesetiaan Rembau terutama sekali dalam menyempurnakan perjanjian damai yang telah dipersetujui itu.

Dalam tahun 1679, Johor telah berjaya menakluki semula Jambi. Sultan Ibrahim Syah (1677–85) telah membaiki perhubungan antara Johor dan Melaka. Apabila baginda mangkat pada 16 Februari 1685 Sultan Mahmud Syah (1685–99) telah dilantik menjadi sultan. Hubungan antara Rembau dengan Johor pada masa itu tidak tentu kedudukannya yang sebenar. Kita tidak tahu sama ada Rembau masih mengakui naungan Johor ataupun tidak, kerana pada sekitar tahun itu, percubaan telah dibuat oleh Rembau dan wilayah-wilayah lain untuk keluar daripada naungan Johor kerana mereka hendak merajakan Raja Ibrahim. Sebaliknya pula hubungan antara pihak Belanda dengan Johor terus diperbaiki kerana pada

bulan April 1685, Paduka Raja Tun Abdul Jamil, pemangku raja Johor, telah membuat perjanjian dengan pihak Belanda. Tujuan pihak Belanda membuat perjanjian itu adalah untuk memborong bijih timah dari Siak yang menjadi takluk Johor, di samping itu, juga meminta Johor memberitahu Rembau supaya memelihara sikap persahabatan dengan pihak Belanda, dan berhenti membuat kacau bilau (Andaya, 1987: 190, 431-5).

Berikutan dengan perkembangan ini, Rembau sedapat mungkin telah mencuba memenuhi kehendak pihak Belanda dan Johor. Buat beberapa tahun selepas kekalahan perang Raja Ibrahim, Rembau telah berusaha untuk memperbaiki kedudukan ekonominya. Segala kesempatan, seperti perjanjian Johor-Belanda 1685 yang mempunyai ceraiian tentang perdagangan, telah digunakan untuk meluaskan lagi kawasan perdagangannya. Mereka menjalankan perniagaan bukan sahaja dengan Melaka tetapi juga dengan negara lain seperti Siak dan Palembang. Dengan demikian, maka pada bulan Mei 1687, Valentyn, Gabenor Melaka telah melaporkan bahawa terdapat kapal orang Rembau yang menjalankan perniagaan di Sungai Riau (Andaya, 1987: 199).

Rembau telah berusaha untuk tidak menimbulkan sebarang bentuk konflik dengan Melaka, namun mungkin kerana ketenteraman dan keamanan serta keperimanan Rembau dan/atau kerana kezaliman pihak Belanda, dalam tahun-tahun berikutnya beberapa orang hamba dan petugas Melaka telah melarikan diri. Mereka ini telah mencari dan mendapat perlindungan di Rembau. Pihak Belanda pula, yang sangat mencurigai dan tidak mempercayai Rembau, menganggap hamba dan petugas itu melarikan diri atas dorongan orang Rembau. Di samping itu, dengan praanggapan sedemikian, pihak Belanda mengandaikan bahawa apabila terjadi rompakan, penculikan dan pembunuhan di kawasan Melaka maka kejahatan itu adalah dilakukan oleh orang Rembau. Oleh yang demikian, apabila Gabenor Slicher Melaka mengirim suatu misi yang diketuai oleh Syahbandar Francois Van Der Beke ke Johor dalam bulan Mac 1689, antara lain yang dibincangkan dan dipohon ialah pemulangan semua hamba yang melarikan diri dan menamatkan pencerobohan hamba Rembau ke atas Melaka (Andaya, 1987: 226).

Kehendak pihak Belanda tentang hamba Rembau ini tidak habis pada misi itu sahaja. Ianya telah dijadikan satu ceraiian dalam perjanjian Belanda-Johor yang ditandatangani pada 9 April 1689. Ceraiian tersebut menjadi 'Fasal 8' yang berbunyi:

Salang kembali-mengembalikan hamba-hamba yang melarikan diri dan peringgal-peringgal tugas. Perompak akan dihukum dengan berat. Juga hamba pertama yang melarikan diri dengan kehendak sendiri akan dihukum dengan hukuman mati sebagai amaran.

(Andaya, 1987: 437)

Sultan Mahmud Syah yang inginkan perhubungan baik dengan pihak Belanda, di samping mahu menekankan ketuanan Johor ke atas Rembau masih berkuatkuasa, dalam bulan berikutnya telah mengirim utusan kepada Datuk Sagah mengingatkan dan memberi amaran tentang kehendak pihak Belanda berkaitan dengan hamba itu. Datuk Sagah yang ketika itu telah lanjut usia telah memberi pengakuan akan mematuhi titah itu.

Pada tahun 1690 Datuk Sagah telah meninggal dunia. Kematiannya bermakna hukuman dan denda adat yang dikenakan oleh Datuk Uban (1645-60) ke atas waris Biduanda Jakun pada kira-kira tahun 1659 telah terbayar, dan dengan itu pewarisan pusaka penghulu digilirkan semula. Walaupun demikian, kematian Datuk Sagah tidak bermakna waris Biduanda Jakun mendapat giliran kerana giliran berikutnya seperti yang diaturkan, jatuh kepada waris Biduanda Jawa. Setelah dilakukan percalonan dan pemilihan, pembesar adat yang berkenaan telah memilih Kurap sebagai penghulu menggantikan Datuk Sagah.

Suasana politik di Selat Melaka sedekad dua di zaman awal pemerintahan Datuk Kurap agak tenang. Kuasa besar di kawasan ini terutamanya sekali Johor sedang dan lebih menumpukan tenaga ke arah kegiatan ekonomi perdagangan daripada ketenteraan. Johor, di bawah pimpinan pemangku raja, Bendahara Tun Habib Abdul Majid, telah sampai ke puncak kejayaannya¹⁷. Di sekitar tahun 1690-an Johor telah menjadi sebuah pusat perdagangan yang terkenal. Pelabuhan Johor dalam bulan Januari 1693 misalnya telah didatangi oleh kapal, bukan sahaja dari kawasan Nusantara tetapi juga oleh tongkang dari Amoy dan kapal-kapal Inggeris, *Dons* dan *Moor* (Andaya, 1987: 237). Atas kebijaksanaannya Bendahara menggunakan saluran diplomasi, telah berjaya mengecualikan kapal Johor daripada dikenakan cukai di Melaka. Keistimewaan ini telah diambil kesempatan juga oleh orang-orang bukan rakyat Johor seperti orang Makasar, Bugis dan lain-lain dengan menggunakan cap Bendahara. Malahan untuk sepanjang tahun berikutnya, mulai daripada 1 Januari sehingga Disember 1694 terdapat sejumlah lima puluh sembilan buah kapal menggunakan cap kebenaran Bendahara untuk mendapat keistimewaan bebas cukai di Melaka apabila belayar ke Selangor, Kelang, Sungai Ujong, Kedah, Aceh, Batu Bahara, Panai dan tempat-tempat lain (Andaya, 1987: 241).

Di samping dikunjungi oleh pedagang asing Johor juga telah mengeksport barang ke negara lain. Antara komoditi tersebut adalah bijih timah. Dalam perdagangan bijih timah monopoli Melaka dipecahkan. Dengan demikian, dalam suatu laporan ke Betawi Gabenor Vosburgh Melaka menyatakan bahawa di sekitar akhir bulan Jun dan awal Julai 1694, orang Johor telah menghantar bijih timah yang agak banyak ke China yang dimuatkan di dalam lapan hingga sepuluh buah tongkang China. Selanjutnya Vosburgh mengakui bahawa oleh sebab besarnya perdagangan bijih

timah Johor dan yang semakin bertambah dari hari ke hari perniagaan bahan tersebut di pasar Melaka bagi bulan Julai 1694 adalah begitu kurang jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Oleh sebab jayanya Johor, para pedagang Inggeris dan Dane sanggup membeli bijih timah dengan harga yang lebih tinggi di Johor (kutipan Andaya, 1987: 240).

Menjelang tahun 1697 tidak syak lagi Johor adalah sebuah kuasa ekonomi dan kuasa ketenteraan yang unggul di alam Melayu ini. Keunggulan perdagangan Johor di Selat Melaka adalah disebabkan oleh dasar aktif yang dijalankan oleh para pemimpinnya. Kedudukannya ini telah membuatkan Belanda gentar terhadap Johor. Para pemimpin pihak Belanda di Betawi telah mengarahkan Melaka supaya mengelakkan daripada timbulnya sebarang sengketa di antara Johor dengan pihak Syarikat Hindia Timur Belanda. Melaka diseru supaya jangan mengganggu, merompak, menggeledah atau melawat sebarang kapal kepunyaan Johor, negeri-negeri naungan Johor, malahan para peniaga peribumi yang lain. Sebagai bukti tentang hasrat Syarikat Hindia Timur Belanda untuk mengekalkan persetiaan persahabatan dengan Johor, arahan-arahan ini akan dikuatkuasakan dengan ketat dan semua yang melanggarnya akan dihukum (Andaya, 1987: 240).

Keistimewaan perdagangan yang diwujudkan oleh Johor di Selat Melaka ini telah digunakan semaksimumnya oleh Datuk Kurap untuk memperbaiki kuasa ekonomi Rembau. Perdagangan Rembau kini tidak lagi terhad ke pasar Melaka. Sebahagian besar daripada ahli perniagaan Rembau telah menjalankan kerjaya mereka di Johor di samping di beberapa pusat perdagangan lain seperti Siak, Kuantan dan Palembang di pantai Sumatera. Barang dagangan orang Rembau adalah bijih timah yang diperolehi dari bahagian pedalaman, bahan segar seperti sirih serta hasil hutan.

Keagungan Johor ini tidak dapat bertahan lama. Pada 27 Julai 1697 Bendahara Tun Habib Abdul Majid telah meninggal dunia. Beliau telah digantikan oleh anaknya Bendahara Tun Abdul Jalil. Bendahara baru ini tidak dapat membendung sifat zalim Sultan Mahmud Syah¹⁸ sebagaimana yang dilakukan oleh ayahnya. Bendahara Tun Abdul Jalil adalah lebih bersedia untuk menyetujui kegiatan Sultan Mahmud. Akibat 'kelemahan' ini kuasa pentadbir Kerajaan Johor telah berpindah daripada Bendahara (walau bagaimanapun masih mempunyai pengaruh yang kuat) kepada Syahbandar yang dapat memenangi hati dan menguruskan sultan selepas kematian Bendahara Tun Habib Abdul Majid (Andaya, 1987: 244-6).

Dalam tempoh masa dua tahun sahaja selepas kematian Bendahara, kedudukan Johor sebagai sebuah kuasa telah merosot akibat perpecahan dalam kerajaan dan tidak adanya kepimpinan yang berwibawa seperti sebelumnya. Titik tolak terakhir yang menggentingkan lagi suasana Kerajaan Johor berlaku dalam bulan Ogos 1699 apabila Sultan Mahmud Syah di-

buruh secara kejam oleh Megat Sri Rama¹¹. Berikutan dengan itu, pada 3 September 1699 Bendahara Tun Abdul Jalil telah diisytiharkan sebagai sultan bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Syah.

Peristiwa ini telah menimbulkan perasaan saling benci-membenci dan iri hati di dalam negeri, di samping adanya ancaman dari Orang Laut¹² dan kerajaan-kerajaan Melayu yang berjiranan, telah menghalang pedagang daripada mengalir ke Johor, terutama sekali dalam tempoh setahun selepas peristiwa tersebut. Dengan itu, daripada sebuah pusat perdagangan utama (1697) di alam Melayu Johor telah bertukar menjadi sebuah pelabuhan kecil, terpencil dan mundur dalam tahun 1700. Ini bermakna kewibawaannya sebagai sebuah kuasa yang disegani, terutama sekali oleh pihak Belanda, telah merosot sehingga Gabenor Melaka yang akan bersara, Govert van Hoorn, telah menulis pada bulan November 1700 dengan cara mencemooh menafikan Johor sebagai sebuah ancaman ekonomi kepada Syarikat Hindia Timur Belanda¹³ (Andaya, 1987: 247).

Kemerosotan Johor sebagai sebuah kuasa politik dan ekonomi yang disegani secara tidak langsung telah memberi kesan ke atas Rembau. Pihak Belanda, kuasa penjajah yang bersempadanan dengan Rembau mulai bersifat angkuh semula kerana Melaka telah dapat memulihkan semula kedudukannya sebagai pusat perdagangan di Selat Melaka, tanpa persaingan. Mulai tahun 1699 Rembau terpaksa memperdagangkan sebahagian besar daripada hasil bijih timah dan komoditi lain seperti sirih, kayu geharu dan kapur barus di Melaka.

Nota kaki

1. Pengeran Adipati Anum adalah anak Pengeran Ratu Jambi. Serangan mengejut ini dilancarkan dari Palembang. Pada ketika itu, Pengeran Ratu Jambi sedang berada di Palembang kerana persiapan terakhir perkahwinan seorang anak lelakiinya dengan puteri Palembang (Andaya, 1987: 131).

2. Kelemahan Johor ini terbukti dengan adanya permintaan Johor kepada pihak Belanda untuk melindungi Muar, Rio Formosa dan Bengkalis bagi pihaknya. Jambi telah mengambil kesempatan ini untuk menyerang wilayah Johor yang lain seperti dalam bulan November 1673, menyerang Bengkalis, dan dalam bulan Disember, Rokan. Indragiri, sebuah lagi wilayah Johor telah dapat mematahkan serangan Jambi atas bantuan tentera Johor di bawah pimpinan Raja Muda (Andaya, 1987: 146).

bermaksud
3. Luhak di sini luhak di Minangkabau seperti Luhak Tanah Datar dan Luhak Agam. Lihat Norhalim Hj Ibrahim, 1993: 76-77.

4. Raja Dua Sela adalah terdiri daripada Raja Adat dan Raja Ibadat. Kedua-dua orang raja ini bersama dengan Raja Alam atau Yang Dipertuan Pagarruyung disebut sebagai Raja Tiga Selo (Raja Tiga Sela). Lihat keterangan lanjut: Norhalim Hj. Ibrahim, 1993: 61.

5. Raja Tiga Sela dan Besar Empat Balai bersetuju menghantar seorang putera Minangkabau ke rantau di Semenanjung Tanah Melayu. Selain daripada memenuhi kehendak rakyat rantau, yang pula sesuai dengan kehendak adat rantau, adalah untuk meluaskan kewibawaan istana Pagarruyung. Tahun-tahun di penghujung abad ke-17 dan awal abad ke-18

adalah tahun-tahun kebangkitan semula kerajaan Minangkabau. Untuk keterangan lanjut tentang kebangkitan semula kerajaan Minangkabau ini lihat Andaya, 1987: 148-50.

6. Bort menyatakan Raja Ibrahim telah memberi gelaran dan penghormatan yang tinggi dan hebat bunyinya bagi dirinya. Dalam memberi komen yang berupa sindiran, besar kemungkinan Bort tidak faham (atau sengaja tidak faham) akan tatacara penulisan surat beradat, lebih-lebih lagi surat daripada seorang raja. Bahagian surat yang dapat komen Bort itu adalah hampir serupa dengan bahagian pendahuluan surat watakah atau dikenali sebagai *italics* terombo Minangkabau yang dibawa bersama oleh Raja Labu, putera raja Minangkabau terakhir yang didatangkan dari Pagarruyung dalam tahun 1823 (Raja Labu ini tidak jadi ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Sri Menanti). Lihat terjemahan Inggeris surat ini dalam Newbold, 1839, Jil. II: 81-86.

7. Semasa menjemput Raja Ibrahim Kelang telah turut bersama menghantar perwakilan (Andaya, 1987: 145, seperti yang dikutipnya dari KA 1185, OB 1674, surat daripada Gab. Bort Melaka ke Betawi, 21 Dis. 1673 fol. 636). Tetapi setelah beliau sampai di Rembau/Naning, rekod Belanda, setakat yang diketahui, tidak lagi menyebut tentang peranan Kelang. Aktiviti Raja Ibrahim banyak yang tertumpu di sekitar Rembau dan Naning.

8. Majlis Melaka mengutarakan pandangan seperti ini mungkin kerana mereka tidak memahami selok-belok adat alam Minangkabau. Pihak Belanda tidak memahami konsep runtai Minangkabau. Kepada orang keturunan Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu, walaupun bernaung di bawah Johor, mereka tetap menganggap dan mengakui bahawa rantainya itu adalah sebahagian daripada alam Minangkabau. Pihak Belanda yang angkuh itu pula berasa iri hati kerana dengan hadirnya Raja Ibrahim di Rembau/Naning bermakna 'kekuasaannya' baik dari segi politik mahupun ekonomi, terutama sekali ke atas Naning, akan tercabar. Sebaliknya pula, surat Raja Ibrahim hukan daripada seorang yang diperintah tetapi dari seorang yang memerintah, setaraf dengan kuasa Majlis Syarikat Hindia Timur Belanda di Melaka.

9. Cave telah mempersetujui pandangan pihak Belanda yang menyatakan Raja Ibrahim itu sebagai kurang ajar berkaitan dengan keselekehkan dan kekotoran cap mohor itu. Beliau telah membandingkan surat berkenaan dengan surat-surat Raja Siam dan kenyataan dalam *italics* Hikayat Abdullah yang dirujuk dalam nota kaki nu. 136 di hal. 638. Apa yang harus diambil perhatian berkaitan dengan surat ini ialah Raja Ibrahim semasa menulis surat itu adalah seorang yang sedang bersikap 'benci' dan 'marah' terhadap pihak Belanda. Justeru itu, perbuatannya menselekehkan dan mengotorkan cap mohor itu adalah disengajakan dan bukan sifat atau watak semula jadinya.

10. Ada sedikit percanggahan fakta tentang jumlah pengiring Raja Ibrahim ini. Winstedt (1934: 54) menyatakan jumlahnya adalah seramai 3,700 orang. Andaya (1987: 146) pula memberi angka 3,770 orang itu sebagai jumlah "pengiring dari Sumatera".

11. Orang Johor segera mempercayai berita angin tersebut. Akibatnya beberapa orang pembesar Johor telah bertindak balas secara sendiri seperti Syahbandar Bengkalis yang berasal dari Johor telah bertindak dengan melayan orang Melaka yang bukan keturunan Belanda yang berniaga di sana tanpa rasa hormat; dan Laksamana Johor pula telah mengambil kesempatan ini untuk menawan beberapa buah kapal yang belayar menuju ke Melaka dan menggesa mereka supaya berniaga di Bentan (Andaya, 1987: 151).

12. Kapal ini adalah seberat 100 tan dan dikendalikan oleh 27 orang kelasi dan mempunyai enam laras meriam.

13. Berat sekoci ini adalah sepuluh tan dan dikendalikan oleh lapan orang kelasi dengan bersenjatakan empat laras meriam loyang.

14. Tujuan Gabenor Melaka, Jacob J. Pitts mengutus surat ini adalah untuk menyatakan hasratnya dengan jujur agar persahabatan lama antara Johor dengan pihak Belanda dapat diteruskan. Sultan Johor pula sangat mengah-nghalukan hasrat pihak Belanda ini (Andaya, 1987: 152).

15. Mengikut Winstedt (1934: 54) Raja Ibrahim telah dibunuh pada awal tahun 1679.
16. Johor telah menakiuki semula Kerajaan Jambi dalam tahun 1679. Dalam tahun berikutnya, kewibawaan Johor telah meningkat lagi dengan kedatangan periaga Perancis untuk menjalankan perdagangan langsung dengan Johor. Mereka telah membawa bersamanya surat daripada Raja Louis XV (Andaya, 1987: 199).
17. Kenaikan Johor dalam bidang ekonomi dan ketenteraan telah bermula sejak Paduka Raja Tun Abdul Jamil menjadi pemangku Raja Johor dalam tahun 1685. Apabila beliau mati dibunuh pada tahun 1688, tempatnya sebagai pemangku raja telah diambil alih oleh Bendahara Tun Habib Abdul Majid. Berkaitan dengan tarikh mati Paduka Raja ini terdapat perselisihan maklumat antara buku *Peringatan Sejarah Negeri Johor* yang menyatakan beliau mati pada 14 Syaaban 1100 A.H. (bersamaan 4 Jun 1689) di Riau dengan *Hikayat Negeri Johor* yang meletakkan tahun 1099 A.H. (bersamaan 1687/88 T.M.) sebagai tarikh matinya, di Terengganu.
18. Sultan Mahmud Syah (1685-99) adalah seorang yang zalim. Apabila dia mencapai umur dewasa dalam tahun 1695 Bendahara Tun Habib Abdul Majid telah memainkan peranan yang tidak ketara sedangkan beliau sebenarnya masih memegang tampuk pemerintahan dengan kukuhnya (Andaya, 1987: 243).
19. Perbuatan Megat Sri Rama ini adalah sebagai membalas dendam atas perbuatan zalim Sultan Mahmud membunuh isterinya yang sedang mengandung. Semasa peristiwa pembunuhan itu berlaku Megat Sri Rama sedang menyerang Linggi atas titah sultan.
20. Orang Laut memainkan peranan yang tidak kurang besarnya dalam menaikkan Johor sebagai sebuah kuasa ekonomi yang kuat. Bendahara Tun Habib Abdul Majid telah mengembelihkan tenaga mereka untuk menakut-nakutkan saingan Johor. Di samping itu, hubungan antara Orang Laut dengan keluarga diraja dinasti Melaka adalah rapat kerana sejak zaman Palembang lagi mereka adalah ditugaskan sebagai pendayung dan pejuang dalam angkatan laut diraja dan sebagai pengutip hasil laut. Sepanjang pemerintahan dinasti Melaka, raja telah berjaya menyatukan mereka ke arah satu tujuan dan memberikan mereka suatu peranan penting dalam kerajaan. Ketaatan dan kesetiaan mereka terhadap raja daripada garisan keturunan dinasti Melaka tidak dapat dipersoalkan. Dengan berakhirnya dinasti Melaka dengan kematian Sultan Mahmud Syah bermakna Orang Laut tiada tempat berlindung lagi. Mereka tidak dapat memberikan ketaatan yang sama kepada dinasti baru—dinasti Bendahara.
21. Untuk meneliti bahagian surat berkaitan yang ditulis oleh Govert van Hoorn ini lihat kutipan yang dibuat oleh Andaya (1987: 247).

Lampiran

LAMPIRAN 1

Letters from Syed Shaaban of Rembau Betraying Nanning during the Nanning War

This letter from Toon Koo Syed Sabban to J.B. Westerhout Esq. with compliments etc. in Malacca.

We wrote to our friend regarding Mr. Lewis going to beat Nanning for not obeying the orders of Government.

Therefore assistance came to the Panghooloo of Nanning from all the Malays in great numbers. We are also amongst them together with the Panghoolos of Rumbow but we have not assisted as yet. There being so many men from Rumbow to Nanning is the reason for our following there.

We now inform our friend that if he will settle with Mr. Lewis to pay Spanish Dollar 500 we will get the Malays to return back to their own countries. For what have we got to say to the business? It is the Company's people warring with the Company, and all the Panghoolos will be guided by us, and if we return all the other Panghoolos will also go away. If Mr. Lewis settle it as expressed in this our letter, our friend can send the money together with our friend's signature by the hand of a truly trusted person to us.

We further ask our friend if Mr. Lewis is going to take the country as far as Rumbow. If so, we must decline receiving the money. If he is not going to do so, we will receive it.

After compliments. Dated 19th August 1831

Letter received 22nd August

This letter is from Toon Koo Syed Sabban to J.B. Westerhout Esq. after compliments.

Our friend has requested that all the Panghoolos and ryots should return from Nanning to their own different countries, that when it is ascertained that they have done so Spanish Dollars 500 will be certainly paid to us. Now when our friend's letter came to hand we retired to our separate countries, but the people only agreed to do so for two or three days, and if in that time our friend does not send the money the Panghoolos mean to return to Nanning and then we cannot prevent them.

If our friend sends the Sp. Drs. 500 we will receive it and our friend will see that his friend's wishes will be fulfilled regarding all these Panghooloos.

When the sepoys were coming up [and here he alludes to Captain Hilgame's party going to Soongye Pattye!] there was a little fighting amongst the people as our friend's letter only just arrived at the time the troops did.

We were then in Panghooloo Seedin's house at Gajah Mati fast asleep, and suddenly awakened by the report of guns. We therefore immediately retired.

Our friend's wish to take the same Panghooloo of Nanning we cannot comply with, but if our friend's life and ours is spared we shall see what can be done.

Written on 22nd August. These letters brought by Pandeka Ondo Mata mata of Roombyah.

Letter dated 25th August

This letter with sincerity etc etc from Toon Koo Syed Sabban who is now residing in Roombyah and is addressed to J.B. Westerhout Esq with compliments.

Our friend wrote us a letter which has been safely received. From it we understand that our friend states that the Dollars 500 will be brought to Roombyah on Monday 2st Awal or 29th August. As we were to send a trusted person for it, we have now sent Pandeka Ondo and Hadji Talib with our receipt against seal to receive the 500 Dollars in question.

With compliments

Letter enclosed with the above. Now we have to inform our friends as a secret that the Panghooloo of Nanning wants to attack Malacca and he has requested assistance from Rumbow and Moorar, but the people of those places cannot any more assist, as we and the Iang de Pertuan of Rumbow cannot assist Nanning any more as we have sworn fealty with our friend and we will never break from our engagements.

The record reads 'facility'

Source: Translations by Lewis copied in SSR B. Sec. Pol 362, Consultations of 14th October 1831.

LAMPIRAN
LAMPIRAN 2

Senarai Penghulu (Undang) Rembau

Bil	Nama	Waris	Kampung	Tarikh Memerintah
1.	Si Rama (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1540-1555
2.	Ambo @ Amba (Sedia Raja)	Jawa	Kota	1555-1605
3.	Lenggang @ Genggang (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1605-1620
4.	Pandak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1620-1645
5.	Uban @ Putih Kepala (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1645-1660
6.	Sagah (Sedia Raja)	Jawa	—	1660-1690
7.	Kurap (Sedia Raja)	Jawa	—	1690-1725
8.	Sabat @ Sobok (Sedia Raja)	Jawa	—	1725-1740
9.	Lulinoh	Jakun	Chengkau	1740-1790
10.	Pekak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1790-1795
11.	Kosil @ Kesir (Lela Maharaja)	Jakun	Tebet	1795-1812
12.	Bogok @ Bahago (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1812-1819
13.	Ngorit @ Ngarit @ Rensh (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1819-1843
14.	Akhir (Sedia Raja)	Jawa	Pulau	1843-1872
15.	Haji Sahil (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1872-1883
16.	Serun bin Sidin (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1883-1905
17.	Haji Sulong bin Meah (Lela Maharaja)	Jakun	Gedong	1905-1922
18.	Abdullah bin Haji Dahan (Sedia Raja)	Jawa	Tanjong	1922-1938
19.	Haji Ipap bin Abdullah (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1938-1962
20.	Haji Adnan bin Ma'ah (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1963—

LAMPIRAN 3

LAMPIRAN 3

Keluarga Diraja Rembau

A. Raja Rembau.

Bil	Nama	Tarikh Memerintah
1.	Raja Melewar	1721/22-1728-29 (Beliau meninggal di Seri Menanti 1740-an)
2.	Raja Adil	1740-an-1773

0.75 pt rule

0.25 pt rule

B. Yang Dipertuan Muda Rembau.

- | | | |
|----|--|------------|
| 1. | Raja Asil bin Raja Adil | 1778-1795. |
| 2. | Raja Ali bin Raja Aman | 1795-1832 |
| 3. | Syed Syashan bin
Syed Ibrahim al-Kadiri | 1832-1836 |

C. Yang Dipertuan Besar Rembau.

- | | | |
|----|------------------------|------------|
| 1. | Raja Ali bin Raja Aman | 1832-1836. |
|----|------------------------|------------|

0.75 pt rule.

↓ LAMPIRAN 4

bring LAMPIRAN 4 here.

LAMPIRAN
LAMPIRAN 4

Tarikh Penting dalam Sejarah Rembau

<i>Tarikh</i>	<i>Peristiwa</i>
Abad 12	1. Kedatangan perantau <i>pelarian</i> ke Tumasik (Marsden). 2. Penghijrahan daripada Tumasik ke utara Semenanjung Tanah Melayu: Sang Hyang Hujung, Kelang dan Muar; membuka petempatan.
Abad 13 ± 1260	1. Kedatangan perantau <i>pelarian</i> ke Sang Hyang Hujung. 2. Perantau <i>pelarian</i> masuk ke pedalaman Sang Hyang Hujung meneroka kawasan Rembau; di tebing Sungai Penajih (Favre).
Abad 14 1365	Penempatan di Sang Hyang Hujung di bawah takluk Majapahit (<i>Nagarakartagama</i>).
± 1338	Kedatangan perantau peneroka dan pedagang ke Rembau (Abas Haji Ali). Mereka membuat petempatan sementara (dusun).
± 1388	Kedatangan perantau peneroka dan pedagang ke Rembau (Newbold). Mereka membuat petempatan sementara.
Abad 15 ± 1475	Batin Sekudai dilahirkan.
± 1490	Batin Sekudai berkahwin.
± 1490-an	Datuk Leteh, pembesar Minangkabau sampai ke Rembau, menetap di Kampung Relong.
± 1497	1. Datuk Bungkal binti Batin Sekudai dilahirkan di Kampung Relong. 2. Datuk Bungkal diambil oleh Datuk Leteh sebagai anak angkat.
± 1498-1500	Tun Zainal Abidin bin Bendahara Seri Maharaja Tun Perak berada di Lubuk China, Rembau; bergelar Datuk Lubuk China.
Abad 16 ± 1500	Batin Sekudai dan Datuk Leteh berpindah dari Kampung Relong ke Kampung Kebun Lada (Kampung Lada sekarang).
± 1501	1. Batin Sekudai meninggalkan Rembau untuk menetap di Seliau. 2. Datuk Leteh dilantik <i>pentadbir</i> Rembau. 3. Rembau mencapai tahap <i>nagari</i> dalam proses melamorfosis petempatan Minangkabau.
± 1502	1. Batin Pak Nilu membuka hutan gombira di kawasan Kota sekarang.

Tarikh

Peristiwa

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATHI PERADABAN

2. Membuat perkampungan untuk Datuk Bungkal.
3. Pokok merbau tua yang tumbuh di Kampung Api-api sekarang ditebang.
4. Nama Rembau bertukar daripada *Perabu* kepada *Merbau Tua*.
- ± 1504
 1. Datuk Lela dan Datuk Bungkal berpindah dari Kampung Kebun Lada ke Kampung Gombira.
 2. Datuk Bungkal menukar nama Kampung Gombira kepada *Kampung Kotor* (Kampung Kota Lama sekarang).
- 1511
 1. Kerajaan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis.
 2. Sultan Mahmud Melaka berundur ke Rembau (Braddell).
- 1512Ekspedisi tentera Portugis sampai ke sempadan Rembau-Naning (kawasan Kendung sekarang).
- 1514Portugis mendirikan kubu di Kuala Sungai Penajih (Kuala Linggi sekarang).
- 1515-16
 1. Datuk Lela Balang dan orangnya sampai di Kampung Kotor.
 2. Datuk Laut Dalam dan pengikutnya membuka Kampung Padang Lekok.
 3. Datuk Lela Balang berkahwin dengan Datuk Bungkal binti Batin Sekudai.
- 1516-17
1520-an
 - Si Rama bin Datuk Lela Balang dilahirkan.
 1. *Perikatan Lembaga Yang Lima* atau dikenali juga sebagai *Berlima Ke Hulu* ditubuhkan di Rembau Darat.
 2. *Ikatan Bersembilan Suku Ke Hilir* atau dikenali juga sebagai *Bersembilan Ke Hilir* ditubuhkan di Rembau Darat.
- 1519-25
 1. Kedatangan Datuk Budi, Datuk Laut, Datuk Baginda dan Datuk Putih ke Rembau.
 2. Mereka membuat petempatan di Rembau Darat: Kampung Batu Hampar, Kampung Sungai Layang, Kampung Bintungan dan Kampung Lubuk Rusa-Selemak.
- 1524-25Sitih Hawa binti Datuk Laut Dalam dilahirkan di Kampung Padang Lekok.
- 1539-40
 1. Datuk Lela Balang dengan diiringi Datuk Laut Dalam menghadap Sultan Alauddin Riayat Shah (1527/28-1564) di Johor Lama.
 2. Sultan merestui perantikan keturunan Datuk Lela Balang sebagai Penghulu Rembau dan memberi gelaran *Datuk Lela Maharaja*.
 3. Sultan merestui permintaan Datuk Laut Dalam agar keturunannya juga menjadi Penghulu Rembau secara bergilir dengan keturunan Datuk Lela Balang, dengan gelaran *Datuk Sedia Raja*.
 4. Sultan memberi gelaran baru kepada Datuk Lela Balang: *Datuk Gempu Maharaja*, dan Datuk Laut Dalam: *Datuk Merah Bangsa* (atau *Datuk Merbangsa*).

Susun, ble:
repeat here
for all the
table, an
rule.

LAMPIRAN

5. Kerapatan besar adat untuk menyusun struktur dan organisasi politik serta sosial Rembau, khususnya bagi Rembau Baroh.
- 1540
1. Si Rama bin Datuk Lela Balang @ Datuk Gempa Maharaja dikerjankan sebagai Penghulu Rembau pertama di Kampung Kota.
 2. Si Rama dikahwinkan dengan Siti Hawa bin-Datuk Laut Dalam @ Datuk Merbangsa di Kampung Padang Lekok.
 3. Penubuhan *Lembaga Tiang Balai Yang Empat Di Baroh*.
 4. Melantik dan memberi gelaran kepada ketua-ketua suku di Rembau, termasuk suku-suku di Rembau Darat.
- 1540-41
- Ambo bin Si Rama dilahirkan.
1. Kerapatan adat membahagikan Rembau kepada dua: *Rembau Baroh* dan *Rembau Darat*.
 2. Kedatangan orang Tanah Datar daripada Minangkabau di bawah pimpinan Datuk Maharaja Inda Bogok.
 3. Kedatangan orang Tiga Batu di bawah pimpinan Nang Besar.
 4. Kedatangan orang suku Mungkal daripada Macap, Naring, di bawah pimpinan Datuk Mengiang (sekarang disebut Datuk Ngiang).
- 1555
1. Datuk Lela Maharaja Si Rama meninggal dunia.
 2. Ambo bin Si Rama dipilih menjadi Penghulu Rembau kedua.
- 1586
1. Utusan daripada Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Shah (1570-97) menemui Datuk Sedia Raja Ambo meminta bantuan menyerang Melaka.
 2. Orang Rembau membakar dan memusnahkan harta benda di sekitar tebing Sungai Melaka serta menyekat lalu lintas makanan keluar masuk ke Melaka.
 3. Orang Portugis sampai ke sempadan Rembau-Naring. Mereka dipimpin oleh d'Azambuja.
 4. Datuk Ambo memohon perdamaian dengan d'Azambuja.
- Abad 17
- 1605
1. Datuk Ambo meninggal dunia.
 2. Lenggang dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-3 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
- 1620
1. Datuk Lenggang meninggal dunia.
 2. Pandak dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-4 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
- 1622
- Rombongan Turku Besar Raja Bujang sampai di Rembau Darat dan membuat petempatan di Kampung Penajih, Ulu Sepri.
- 1623-24
- Sultan Abdul Jalil II (1623-77) Johor melantik Datuk Ganti Maharaja, lembaga suku Anak Melaka sebagai wakil kerajaan Johor di Rembau.

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATU PERADABAN

- | | |
|-------------------|--|
| 1640, 7 September | 1. Rembau menghantar seramai 300 orang tentera membantu Johor dan Belanda menyerang Melaka. |
| 27 Oktober | 2. Rembau menghantar seramai 500 orang tentera dalam serangannya ke atas Melaka. |
| 1641, 14 Januari | 1. Melaka jatuh ke tangan Belanda. |
| Februari-Mac | 2. Lebai Muda dan Hitam ditahan Belanda di Tampin. |
| | 3. Hitam berjaya melepaskan diri dan mendapat perlindungan di Rembau. |
| 1642, Januari | 1. Jan Janz Menie menyekat lalu lintas di Sungai Penajih. |
| Februari | 2. Jan Janz Menie datang ke Rembau menemui Datuk Pandak. |
| | 3. Belanda menebus pelarian Kristian daripada Rembau. |
| | 4. Belanda membuka semula lalu lintas di Sungai Penajih. |
| April | 5. Utusan Sultan Johor menemui Datuk Pandak dan meminta membayar denda \$200. |
| 1-2 Mei | 6. Utusan Rembau berada di Melaka meminta Belanda menjadi pengantaraan dengan Johor tentang denda \$200. |
| 1643, 5 Mei | 1. Orang Rembau membakar kapal dan membunuh dua orang anak kapal Melaka di Sungai Baru. |
| 23 Mei | 2. Peperangan antara orang Rembau dan Belanda di Sungai Penajih berkaitan dengan perbuatan Belanda menutup sungai tersebut. |
| 1644 | 1. Utusan daripada Sultan Johor sampai ke Rembau. |
| Januari | 2. Penghulu Rembau disoalselidik oleh Sultan Johor di Batu Sawar tentang rompakan ke atas Jorge Fernandez dan pembunuhan orang Kristian oleh orang Tampin. |
| 5 Februari | 3. Forsenburgh dan Menie datang menemui Datuk Pandak di Rembau. |
| | 4. Pergaduhan antara Rembau dan Belanda berlaku: semua orang Belanda, termasuk Forsenburgh dan Menie mati terbunuh. |
| 7 Februari | 5. Gabenor van Vliet dan pasukannya diserang hendap oleh orang Rembau. Belanda berundur ke Melaka dan meninggalkan peti berisi wang sejumlah 13,000 rial. |
| Ogos | 6. Sekumpulan enam orang pengintip Rembau-Naning di bawah pimpinan Hitam berjaya mengumpulkan seribu orang tentera untuk melanggar Melaka. |
| 16 Ogos | 7. Orang Rembau-Naning, di bawah pimpinan Hitam berjaya menawan Bukit China, Melaka. |
| | 8. Belanda berjaya mematahkan pemberontakan Rembau-Naning. |
| | 9. Hitam dan kumpulannya kecuali seorang telah dihukum bunuh oleh Belanda. |
| 1645 | 1. Tunku Besar Raja Bujang meninggal dunia di Ulu Sepri. |
| Februari | 2. Tentera Rembau-Naning mengalahkan Belanda di Melekek. |
| | 3. Datuk Sedia Raja Pandak meninggal dunia. |

LAMPIRAN

4. Uban dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-5 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
- 1646
Mac
24 Jun
17 September
1. Tentera Rembau-Naning dikalahkan oleh Belanda di Taboh Naning.
 2. Rembau menghantar perwakilan yang diketuai oleh Datuk Jalila Muluk dan Khatib Sitam Muda ke Melaka merundingkan perjanjian persahabatan Rembau-Belanda.
 3. Pengampunan 24 orang rakyat Rembau-Naning oleh pihak berkuasa Belanda di Betawi yang akan dihukum bunuh.
 4. Rundingan damai diadakan di rumah Datuk Jalila Muluk antara Pembesar Rembau dan Naning dengan Abraham Steen, wakil kerajaan Belanda.
 5. Datuk Uban menandatangani perjanjian perdamaian Rembau-Belanda.
- 1647
1649
1650-an
1659
1660
1670 Disember
1671 Januari
1675
- Neydert Clinkert datang ke Rembau mengutip bayaran atas tuntutan ganti rugi Belanda.
- Sekumpulan orang Sungai Ujong (suku Semelenggang) membuat perkampungan di Rembau Darat. Mereka bernaung di bawah Datuk Mendelika. Kelompok baru ini dikenali sebagai *Semelenggang Empat Ibu*.
1. Satu kumpulan orang Biduanda Jakun di bawah pimpinan Datuk Gindai Lautan datang membuat perkampungan di Rembau Darat.
 2. Sekumpulan orang Minangkabau yang berasal dari Batu Hampar di bawah pimpinan Datuk Sutan Bendahara sampai ke Rembau Darat.
1. Keluarga Diraja Johor datang ke Rembau meminang anak gadis suku Biduanda Jakun bernama Seri Banun. Peminangan itu telah ditolak oleh Orang Kaya Kecil, ayah Seri Banun.
 2. Datuk Lela Maharaja Uban mengisytiharkan bahawa *hak carak Biduanda Jakun menyandang pusaka Penghulu Rembau dicabut* (dilucutkan) *untuk sekali giliran* kerana dianggap *menderhaka* menolak pinangan diraja Johor.
 3. Si Amat anak Orang Kaya Kecil dan saudara kandung Seri Banun dihukum bunuh oleh Sultan Abdul Jalil II (1623-77).
1. Datuk Lela Maharaja Uban meninggal dunia.
 2. Sagah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-6 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
- Utusan Datuk Sagah menghadap Sultan Johor untuk meminta izin menyerang Belanda di Melaka.
- Datuk Sagah menemui Penghulu-penghulu Sungai Ujong, Kelang dan Naning merundingkan hal menjemput seorang putera raja dari Minangkabau.

NEGERI YANG SEMBILAN; WARISAN SATU PERADABAN

1677 Februari Mac	Raja Ibrahim, putera raja Minangkabau sampai ke Rembau. Raja Ibrahim mengutus surat kepada Belanda di Melaka meminta Melaka jangan lagi mengganggu Rembau dan Nanning. Surat itu tidak dijawab oleh pihak Belanda.
April	1. Raja Ibrahim dengan diikuti 3,770 orang pengikut bersedia menyerang Melaka. 2. Raja Ibrahim berjaya menawan beberapa kawasan di pinggir bandar Melaka.
Jun	Raja Ibrahim dan tenteranya berundur dari Melaka dan balik ke Rembau-Nanning.
November- Disember	Raja Ibrahim mengadakan beberapa rundingan dengan Sultan Kuantan, Sunatera untuk mengadakan pakatan atas dasar keturunan Minangkabau, menyerang Belanda di Melaka. Mereka gagal mencapai kata sepakat.
1678	1. Raja Ibrahim membuat permuafakatan dengan orang-orang Bugis dan Makasar di Kelang atas dasar <i>seagama</i> untuk menyerang Belanda di Melaka. 2. Belanda menyerang Rembau; ikatan <i>seagama</i> yang cuba diwujudkan oleh Raja Ibrahim itu gagal.
Oktober	3. Raja Ibrahim mati dibunuh oleh Baggia, hamba kepunyaan Datuk Raja Merah, Penghulu Nanning.
November	4. Datuk Sagah membaharui perjanjian persediaan dan persehabatan dengan Belanda.
1680, Januari	1. Utusan Datuk Sagah ke Melaka merundingkan suatu perjanjian perdamaian dengan Belanda.
13 Februari	2. Surat perjanjian damai Rembau-Melaka ditandatangani di Melaka.
1690	1. Datuk Sagah meninggal dunia. 2. Kurap dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-7 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
Abad 18.	
1705	Berlak: 'kekacauan' di Rembau berkaitan dengan hamba kepunyaan Encik Panda.
1706	1. Rembau bangun memberontak menentang Johor.
Julai	2. Pemberontakan Rembau dapat dipatahkan oleh Bendahara Tun Mas Anum dan Sri Nara Diraja.
1707	Bendahara Tun Mas Anum menganugerahkan cap mohor yang bertulis ' <i>dengan restu Bendahara Sri Maharaja</i> ' kepada Penghulu Rembau.
1715	1. Rembau didatangi utusan Sultan Johor di bawah pimpinan Sri Bija Wangsa dan Orang Kaya Paduka Sri Dewa serta Encik Yusof bersama suatu angkatan perang meminta bantuan mengeluarkan orang Bugis daripada Linggi. Angkatan Johor-Rembau-Sungai Ujong gagal mengeluarkan orang Bugis daripada Linggi.

LAMPIRAN

Mei	3. Satu lagi angkatan Johor di bawah pimpinan Temenggong Tun Alkhaf Jamsi tiba di Rembau meminta bantuan menyerang Linggi sekali lagi. Ekspedisi ini juga menemui kegagalan.
Julai-Ogos	4. Sekali lagi Rembau menghantar tentera membantu angkatan perang Johor di bawah pimpinan Laksamana Sri Nara dan Sri Bija Wangsa menghukum orang-orang Air Hitam dan Sungai Tuan kerana membantu Bugis dalam ekspedisi sebelumnya.
1716, April	Rembau membantu Raja Muda Tun Mahmud Johor memper-tahankan Selangor daripada serangan Daeng Marewah. Angkatan Johor-Rembau mengalami kekalahan.
1721	Datuk Kurap menghantar utusan ke Pagarruyung meminta seorang putera raja.
1721-22	Raja Melewar ditabalkan sebagai <i>Raja Rembau</i> di Penajih.
1723	Rembau diserang Raja Khatib. Satu pertempuran berlaku di Kampung Bukit. Raja Melewar telah kalah dan berundur me-lindungi diri di Sepri.
1725	1. Datuk Kurap meninggal dunia. 2. Selepas kekecuaan, Sobok @ Sabat telah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-8 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
1726-27	Angkatan perang Raja Melewar dari Rembau menyerang Raja Khatib di Seri Menanti. Raja Khatib melarikan diri ke Melaka (Naning).
1728-29	Raja Melewar diusir keluar daripada Rembau oleh Datuk Sabat.
1740-an	1. Raja Melewar meninggal dunia di Seri Menanti. 2. Raja Adil, seorang putera Bugis diletakkan di Rembau se-bagai <i>Raja Rembau II</i> dan wakil kerajaan Johor di Rembau. 3. Raja Adil berkahwin dengan Cik Menek, wanita Tampin, anggota suku Tiga Batu. 4. Raja Adil ditempatkan di Pedas, Rembau Darat.
1750 ambil dari ms sebelum	1. Daeng Kemboja berundur diri daripada Linggi ke Rembau setelah diusir oleh Yang Dipertuan Kecil Terengganu dan Daeng Tumik.
1756	2. Daeng Kemboja membuat persetiaan dengan kerajaan Rembau.
Julai	3. Raja Adil serta tentera Rembau membantu Daeng Kemboja menyerang Melaka, Tranquera dan Kelebang ditawan. Perang berlanjutan untuk lebih kurang sembilan bulan.
Oktober	1. Tentera Rembau-Bugis terpaksa berundur dari kawasan Melaka.
1757	2. Daeng Kemboja menetap di Rembau Hilir.
Julai-Ogos	3. Pembesar-pembesar Rembau dan Kelang telah ke Melaka menemui Jacob Morsel untuk membuat perjanjian tetapi gagal kerana Linggi tidak ada wakil.
29 September	

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATU PERADABAN

	4. Semasa di Melaka ini Datuk Sabat telah berkahwin dengan seorang wanita Portugis.
November	5. Daeng Kemboja dan keluarganya berpindah ke Pedas berhampiran tempat kediaman Raja Adil.
12 Disember	6. Perjanjian Johor-Belanda ditandatangani dan Johor menyerahkan Rembau dan Linggi ke tangan Belanda.
1758, 1 Januari	Rembau yang hanya diwakili oleh Raja Adil, Belanda dan Bugis (Linggi) menandatangani satu perjanjian di Fort Filipina, di Kuala Linggi sekarang.
1759, 11 November	Satu lagi perjanjian, menggantikan perjanjian Januari 1758 yang tidak sah telah ditandatangani oleh Pembesar-pembesar Rembau, Kelang, Linggi dan Belanda.
SI 1760	1. Datuk Sabat meninggal dunia. 2. Lulinsuh telah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-9 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
1761	1. Jenazah Tunku Raja Diharoh yang meninggal di Selangor dibawa ke tempat kediaman Daeng Kemboja di Pedas. 2. Daeng Kemboja bersama keluarga balik ke Riau mengiringi jenazah dan terus tinggal di Riau.
1775	Serombongan orang Bugis daripada Riau yang diketuai oleh Awaluddin dan Serlah datang ke Rembau untuk membuat perkampungan. Mereka telah diberi tempat di Bandar, Penajih.
1778	1. Raja Adil (Raja Rembau II) meninggal dunia. 2. Raja Asli bin Raja Adil dilantik menjadi <i>Yang Dipertuan Muda Rembau</i> . Beliau menggelarkan dirinya <i>Sultan Mahmud Shah</i> .
1783	1. Orang Bugis yang membuat perkampungan di Bandar meninggalkan Rembau dan berpindah ke kawasan baru iaitu di kawasan Linggi sekarang.
Disember	2. Raja Ibrahim daripada Selangor datang ke Rembau meminta bantuan menyerang Melaka.
1784 Januari	1. Orang Rembau dan tentera Selangor menyerang Melaka. 2. Orang Rembau Darat membantu Datuk Kelana Lela Bugis menentang Belanda di Simpang.
1787, Mei-Jun	Rembau membantu Sultan Mahmud Shah, sultan Riau-Lingga mengepung Dinding dan membuat pendaratan di pantai Pulau Pinang.
1790	1. Datuk Lulinsuh meninggal dunia. 2. Pekak dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-10 dengan gelaran Datuk Sedia Raja. 3. Pasah, seorang lagi calon pusaka penghulu yang tidak puas hati telah mengadukan hal kepada Sultan Mahmud Shah (1781-1812) di Lingga. Sebagai penyelesaian Pasah dikurniakan gelaran <i>Datuk Mangkubumi</i> yang bertaraf <i>Orang Besar Penghulu</i> dan jawatan ini kekal di kalangan waris Biduanda Jawa Kampung Tanjung.

hasil
ke us
2000 - akhir
tahun 1750

- 1795
1. Raja Hitam ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Seri Menanti di Penajih, Rembau.
 2. Datuk Pekak yang sedang uzur telah mewakilkan Datuk Perba Kosil pergi ke Melaka berunding dengan kerajaan Inggeris dan menandatangani persetiaan antara Rembau dengan Inggeris di Melaka.
 3. Datuk Perba Kosil enggan meletakkan taraf wakil sekembalinya dari Melaka. Beliau memaksa Datuk Pekak menyerahkan pusaka Penghulu kepadanya.
 4. Kosil dikerjankan sebagai Penghulu Rembau ke-11 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
 5. Raja Ali merampas kuasa Yang Dipertuan Muda Rembau daripada Raja Asil.
 6. Raja Asil mengundur diri ke Naring.
- 1795-96 Raja Asil meninggal dunia di Naring.
- Abad 19
- 1801-2
1. Tertubuhnya *Ikatan Suku Yang Lima* atau *Berlima Disebelah Baruh*.
 2. Penghulu Rembau dengan rasmi mengiktiraf kewujudan ikatan: *Berempat Berlima Suku Di Baroh* dan *Berlima Bersembilan Suku Di Darat* dalam kerajaan Rembau.
- 1808 Raja Lenggeng Laut ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Besar Seri Nebatti di Penajih, Rembau.
- 1812
1. Datuk Lela Maharaja Kosil meninggal dunia.
 2. Bogok dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-12 dengan gelaran Datuk Sedla Raja.
- 1819
1. Raja Ali bersama Raja Lenggeng Laut mewujudkan institusi *Lembaga Yang Empat Di Darat*.
 2. Datuk Bogok meninggal dunia.
 3. Ngont @ Reneh @ Ramah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-13 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
 4. Raja Ali pula melantik Pakat ahli waris suku Biduanda Jawa sebagai Penghulu Rembau. Pertantikan Pakat tidak mendapat pengiktirafan Lembaga Tiang Balai Rembau.
- Jun
5. Timmermorn Tyssen, Gabenor Belanda di Melaka menghantar utusan menjemput penghulu dan Pembesar-pembesar Rembau ke Melaka.
 6. Semasa di Melaka mereka menandatangani suatu perjanjian persahabatan dengan Inggeris.
- 1824 Raja Lenggeng Laut meninggal dunia.
- 1926
1. Raja Labu ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Besar di Penajih, Rembau oleh Penghulu Rembau, Penghulu Sungai Ujong dan Penghulu Naring. Baginda diberi gelaran Yamtuan Sati.
 2. Raja Labu menyerang Raja Ali.
- 1829 'Perang' antara Raja Labu dengan Raja Ali tamat.

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATU PERADABAN

1830	1. Raja Labu diusir keluar daripada Seri Menanti dengan perkenan Datuk Kelana Sungai Ujong. 2. Pembesar-pembesar Rembau ke Melaka mengadakan rundingan dengan Inggeris. Kedua-dua pihak bersetuju menandatangani suatu perjanjian.
1831 Ogos	1. Perang Nanning meletus. Rembau membantu Dni Said Penghulu Nanning.
19 Ogos	2. Syed Syaaban berpaling tadah membantu Inggeris dengan mendapat bayaran berjumlah \$500 Sepanyol.
30 November	3. Inggeris membuat perjanjian dengan Rembau; tetapi tidak sah kerana Lembaga Tiang Balai tidak berserta.
1832, 28 Januari	1. Pembesar-pembesar Rembau menandatangani perjanjian (membaharui perjanjian November 1831) di Simpang.
30 April	2. Syed Syaaban dan pengikutnya membantu Inggeris menyerang Nanning dan memainkan peranan penting memastikan kemenangan Inggeris.
13 September	3. Raja Ali mengisytiharkan dirinya sebagai <i>Yang Dipertuan Besar</i> Rembau dan Syed Syaaban telah dilantiknya menjadi Yang Dipertuan Muda.
21 Oktober	4. Ibbetson Gabenor Negeri-negeri Selat mengunjungi tempat kediaman Raja Ali di Bandar, Rembau.
1833 9 Januari	1. Perjanjian sempadan Rembau-Melaka ditandatangani.
23 Januari	2. Syed Syaaban mula menjalankan aktiviti mencukai lalu lintas perdagangan Sungai Linggi di Simpang.
September-November	3. Perang Rembau-Linggi meletus.
1834	1. Syed Syaaban melakukan percubaan membunuh Datuk Ngonit tetapi gagal. 2. Datuk Ngonit berserta Datuk Kelana dan Raja Radin memihak kepada Datuk Kattas Linggi menentang Syed Syaaban dan Raja Ali.
1836	1. Syed Syaaban dan Raja Ali diusir keluar daripada Rembau.
1837	Raja Radin Yang Dipertuan Besar Seri Menanti melantik seorang ahli waris Biduanda Jakun daripada Kampung Chengkau belahan Chembong menjadi wakilnya di Rembau dengan gelaran <i>Datuk Raja Diraja</i>. Datuk ini diberi taraf Orang Besar Penghulu. 2. Institusi Yang Dipertuan Muda Rembau dihapuskan.
1843	1. Datuk Ngonit meninggal dunia. 2. Berlaku pertelingkahan mencari pengganti. 3. Akhir dipilih menjadi Penghulu Rembau yang ke-14 dengan gelaran Datuk Sedia Raja. Calon lain terutama Lebai Kulop tidak berpuas hati perlantikan Datuk Akhir itu. 4. Lebai Kulop memanjangkan tuntutananya itu dengan menggunakan senjata. 5. Rembau meminta jasa baik Datuk Kelana Kawal menjadi orang pengantara dalam pertelingkahan Datuk Akhir dengan Lebai Kulop.

LAMPIRAN

6. Datuk Kelana Kawal melantik seorang waris Bickanda Jakun Kampung Chengkau yang diberi gelaran *Datuk Menteri Penghulu* sebagai wakil khasnya di Rembau.
- 1844
1. Pembesar-pembesar Rembau mulai melibatkan diri dalam aktiviti mencukai di Sungai Linggi, khususnya di Simpang.
 2. Mula berlaku bertelingkahan sempadan di Sungai Linggi antara Rembau, Sungai Ujong dan Selangor.
- 1847
1. Syed Syaaban menyatakan kesanggupannya membantu Datuk Akhir memerangi Lebai Kulop dengan syarat beliau dilantik semula sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau.
 2. Satu majlis perundingan diadakan antara Pembesar-pembesar Rembau dengan Inggeris tentang Syed Syaaban itu.
 3. Inggeris menolak permintaan Syed Syaaban.
- 1848
1. Lebai Kulop meninggal dunia.
 2. Gelaran Datuk Menteri Penghulu, wakil Datuk Kelana dalam pertelingkahan Datuk Akhir dengan Lebai Kulop ditukar menjadi *Datuk Menteri Lela Perkasa*. Datuk ini diberi taraf Orang Besar Penghulu dan khas untuk disandang oleh waris Kampung Chengkau.
- 1850
1. Raja Ali meninggal dunia di Keru Tampin.
 2. Syed Syaaban diberi kuasa oleh Inggeris untuk memerintah Tampin dan direstui oleh Pembesar-pembesar Rembau. Beliau diberi gelaran *Tunku Besar Tampin*.
- 1851
- Inggeris mengadakan suatu pertemuan di Melaka antara Datuk Akhir, Datuk Kelana Kawal dan Raja Radin untuk menyelesaikan masalah pencukain di Sungai Linggi, khususnya kegiatan Lebai Kulop. Datuk Kelana tidak hadir. Datuk Akhir berjanji akan menyiasat perbuatan dan menghentikan aktiviti Lebai Kulop.
- 1855
1. Kegiatan mencukai di Sungai Linggi semakin bertambah dengan terlibatnya tiga orang pembesar lain.
- Ogos
2. Datuk Kelana Kawal menyerang tol-tol cukai di Sungai Linggi.
- 1857
- Kapal Perang *Amethyst* memusnahkan kubu pencukain di Pengkalan Kempas.
- 1859
1. Datuk Kulup Turuggal, Syahbandar Sungai Ujong melibatkan diri dalam pencukain di Sungai Linggi. Berlaku pertelingkahan antara Datuk Syahbandar dengan Datuk Kelana.
 2. Datuk Akhir diminta menjadi orang tengah dalam konflik Bander-Kelana itu.
 3. Datuk Akhir, Datuk Kelana dan Raja Radin menaikkan cukai ke atas pelombong China.
- 1860
1. Datuk Akhir memberi kuasa kepada Haji Musa untuk memungut cukai di Lubok China.
 2. Perbuatan ini menegangkan perhubungan Datuk Akhir dengan Datuk Kelana dan Datuk Kattas Linggi.

LAMPIRAN

Disember	7. Datuk Haji Sahil menyerang dan memusnahkan kubu Haji Mustepha.
1874, 13 Februari	8. Haji Mustepha mencari perlindungan di Singapura. 1. Suatu rundingan damai diadakan di Singapura. Datuk Haji Sahil tidak hadir tetapi menghantar wakil.
April	2. Orang Rembau melakukan kekacauan di Sungai Linggi.
2 Mei	3. Satu pertemuan diadakan di Kuala Linggi untuk menyelesaikan masalah cukai di Sungai Linggi. Datuk Haji Sahil tidak hadir kerana sakit.
3 Mei	4. Perjumpaan tersebut (2 Mei) dipindahkan ke Simpang. Datuk Haji Sahil tidak hadir tetapi mengirim surat menafikan penglibatannya dalam masalah cukai Sungai Linggi.
5 Mei	5. Inggeris memusnahkan benteng di Bukit Tiga.
September-Oktober	6. Haji Sahil, Tunku Kudin membuat persetiaan dengan Datuk Kelana melindungi keamanan Sungai Ujong.
November	7. Orang Rembau membantu Datuk Syahbandar Sungai Ujong menentang Datuk Kelana. Orang Rembau turut membantu menawan Rasah daripada Datuk Kelana.
1875	1. Datuk Haji Sahil menyokong perantikan Tengku Antah sebagai Yang Dipertuan Besar Seri Menanti.
